

**KAJIAN TERHADAP NILAI ETOS MELALUI KOMUNIKASI PEDAGOGI  
PENSYARAH DI UTHM**

**MOHAMAD ZAMRI BIN MUHAMAD**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

NOVEMBER, 2008

Teristimewa buat,

*Ayahanda Muhamad Bin Jafaya*

*Bonda Saodah Binti Sudin*

*serta Kekanda Rosinah, Abd Rashid, Roslina, Abd Razak dan Adinda Yuzrina*  
yang disayangi

Terima kasih di atas dorongan, sokongan dan kasih sayang yang diberikan selama ini. Sokongan yang tidak pernah pudar kepada diri ini.

serta

Penyelia dan Sahabat-sahabat yang turut sama membantu. Susah dan senang kita lalui bersama walau kadangkala langkah kita tidak seiringan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji-pujian bagiMu Ya Allah. Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam ditujukan buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarga dan para sahabat baginda semuanya. Alhamdulillah dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan pertolonganNya dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Perhargaan ini ditujukan kepada penyelia projek iaitu Puan Nur Sofurah binti Mohd Faiz dan James C. McCroskey kerana telah memberikan banyak tunjuk ajar, dorongan, sokongan dan komen membina dalam menyiapkan projek sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan dan guru-guru yang telah memberi kebenaran dan komitmen kepada saya. Terima kasih kepada para pelajar yang mengikuti kursus pendidikan di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTIIM di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan projek ini. Tidak lupa juga ucapan terima buat semua pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal yang telah banyak mencurahkan ilmu, keringat, kata-kata semangat dan nasihat untuk dijadikan pedoman di masa hadapan.

Ribuan terima kasih buat keluarga tercinta dan adinda di atas sokongan, dorongan, pandangan dan kata-kata semangat yang diberikan sehingga projek ini berjaya disiapkan. Akhir sekali sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan projek sarjana ini. Semoga sumbangan dan budi baik yang diberikan mendapat rahmat dan ganjaran dariNya.

## ABSTRAK

Kredibiliti atau juga dikenali sebagai nilai etos merupakan keupayaan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam meyakinkan pendengarnya. Justeru, nilai etos merupakan salah satu aspek yang penting kepada seseorang guru untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mengetahui hubungan nilai etos terhadap pembelajaran pelajar. Seramai 285 orang pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan, Pensiswazahan Guru Besar dan Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM dipilih menjadi responden kajian ini. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen bagi memperolehi data daripada responden. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistic Package of Social Science*) versi 13 bagi mendapatkan skor min, sisihan piawai dan hubungan antara pembolehubah dengan menggunakan ujian *Pearson*. Hasil dapatan kajian menunjukkan pensyarah mempunyai nilai etos dari dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan. Selain itu, terdapat hubungan positif yang wujud antara nilai etos dengan proses pembelajaran pelajar. Oleh itu, adalah keperluan kepada guru untuk menguasai nilai etos yang baik supaya para pelajar dapat menggarap ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru dan secara tidak langsung memberi impak yang positif terhadap pencapaian pelajar.

## ABSTRACT

Credibility or ethos is the ability possessed by individual to persuade the audience. Hence, ethos is one of the significant aspects in order to ensure the teaching and learning process become more efficient and effective. This research was carried out to study ethos through pedagogical communication among lecturer in teaching and learning process and to know the relationship of ethos toward students learning. A number of 285 participants enrolled in Diploma Of Education, Pensiswazahan Guru Besar and Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional in Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM were randomly selected as respondents. A set of questionnaire was designed in this research as an instrument to acquire feedback from the respondents. Data was analyzed using the Statistic Package for Social Science (SPSS) version 13. Analysis of data included means, standard deviations, and correlation between variables using Pearson test. Research revealed most of lectures portrayed ethos from dimension of expertise, personal stance and intention perceived by the students. Furthermore, the data gathered provide evidence that an existence of positive correlation between teachers' ethos and students' learning process. Therefore, teachers should have a good ethos value in delivering process to ensure students can obtain the knowledge delivered by the teacher and indirectly give positive impact on student achievement.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Matlamat Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Persoalan Kajian	6

1.7	Skop Kajian	6
1.8	Kerangka Konsep	7
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	10
1.12	Definisi Istilah dan Pengoperasian	10

## **BAB II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Nilai Etos	14
2.3	Komunikasi Pedagogi	18
2.4	Nilai Etos Melalui Komunikasi Pedagogi di dalam Bilik Darjah	19
2.5	Kredibiliti Penyampai dalam Komunikasi	22
2.6	Sorotan Kajian Lepas	24
2.6.1	Etos Dan Kredibiliti: Pembinaan Dan Pengukuran Selepas Tiga Dekad	24
2.6.2	Penilaian Terhadap Penyampai Umum	25
2.7	Rumusan	26

## **BAB III METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka bentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	29
3.5	Proses Pengumpulan Data	34
3.5.1	Tatacara Pengumpulan Data	34

3.5.2	Pengumpulan Data Penyelidikan	36
3.5.3	Sumber Data	37
3.6	Karangka Kerja Operasi	37
3.7	Kajian Rintis	40
3.8	Kesahan Kandungan	40
3.9	Hasil Kajian Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	41
3.10	Kaedah Analisis Data	42

#### **BAB IV ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Prosedur Menganalisis Data Soal Selidik	45
4.3	Maklumat Latar Belakang Responden	47
4.3.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	48
4.3.2	Taburan Responden Mengikut Kursus Pengajian	48
4.4	Dapatan Kajian	49
4.4.1	Dimensi Nilai Etos	48
4.4.1.1	Nilai Etos Kandungan(Kepakaran)	50
4.4.1.2	Nilai Etos Kandungan (Pendirian Diri)	52
4.4.1.3	Nilai Etos Kandungan (Tujuan)	53
4.4.2	Persoalan Etos Pensyarah Melalui Komunikasi Pedagogi	57
4.4.2.1	Nilai Etos Persembahan (Kepakaran)	58
4.4.2.2	Nilai Etos Persembahan (Pendirian Diri)	60
4.4.2.3	Nilai Etos Persembahan (Tujuan)	63
4.4.3	Hubungan Nilai Etos Dengan Pembelajaran Pelajar	67
4.5	Rumusan Dapatan Kajian	70



**BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan	72
5.2.1	Dimensi Nilai Etos Pensyarah	72
5.2.2	Dimensi Nilai Etos Pensyarah Melalui Komunikasi Pedagogi	75
5.2.3	Hubungan Antara Dimensi Nilai Etos dengan Pembelajaran Pelajar	77
5.3	Kesimpulan	78
5.4	Cadangan	79
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	80
5.5	Penutup	81
	<b>RUJUKAN</b>	<b>82</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>88</b>



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Format Bahagian Borang Soal Selidik	30
3.2	Format Borang Soal Selidik	31
3.3	Pemberatan Skala Likert	34
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	34
3.5	Jadual Pembahagian Item Soal Selidik	35
3.6	Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i>	40
3.7	Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	41
4.1	Skala Likert	46
4.2	Nilai Skor Min bagi Nilai Etos	46
4.3	Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi	47
4.4	Taburan Responden Mengikut Jantina	48
4.5	Taburan Responden Mengikut Kursus	49
4.6	Nilai Etos Pensyarah Kandungan (Kepakaran)	50
4.7	Nilai Etos Pensyarah Kandungan (Pendirian Diri)	52
4.8	Nilai Etos Pensyarah Kandungan (Tujuan)	54
4.9	Dimensi Nilai Etos Keseluruhan (Pembolehubah Kandungan)	56
4.10	Nilai Etos Pensyarah Persembahan (Kepakaran)	58
4.11	Nilai Etos Pensyarah Persembahan (Pendirian Diri)	61
4.12	Nilai Etos Pensyarah Persembahan (Tujuan)	63
4.13	Dimensi Nilai Etos Keseluruhan (Pembolehubah Persembahan)	65
4.14	Nilai Etos Keseluruhan (Persembahan dan Kandungan)	66
4.14	Pembelajaran Pelajar	68
4.15	Nilai Pekali Korelasi	69

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian (Bovey, 1981)	8
2.1	Segitiga Komunikasi (Barret, D. J., 2006)	22
2.2	Gangguan Dalam Komunikasi (Barret, D. J., 2006)	23
3.1	Gambarajah Carta Alir Pelaksanaan Projek	39



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

et. al.	-	Dan lain-lain
UTHM	-	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
SPSS	-	<i>The Statistical Package for Social Science</i>
PKPGB	-	Program Khas Pensiswazahan Guru Besar
FPTek	-	Fakulti Pendidikan Teknikal
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KDC	-	Program Kursus Dalam Cuti
KDPM	-	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Jadual Krejeie, R.V. And Morgan, D.W	88
B	Borang Soal Selidik	90
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	100
D	Kesahan Instrumen Kajian	103
E	Dapatan Kajian Rintis	111
F	Hasil Dapatan Kajian	119



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan sumber yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar. Sama ada sedar mahupun tidak, guru berhadapan dengan cabaran untuk meyakinkan pelajar terhadap maklumat yang disampaikan di dalam proses pengajaran (Haskins, 2000). Situasi ini secara tidak langsung mencabar kredibiliti guru sebagai penyampai maklumat kepada pelajar.

Kredibiliti merupakan perkara yang penting bagi seseorang penyampai dalam menyampaikan maklumat kepada umum (Hansen & Kock, 2002). Kredibiliti juga dilihat sebagai suatu konsep yang mempunyai pelbagai dimensi yang berkait rapat dengan personaliti atau karakter penyampai dalam proses komunikasi. Penyampai yang berkredibiliti mampu memberi impak terhadap sikap penerima mesej, perhatian dan perlakuan (Eisend, 2006).

Selain itu, kredibiliti seseorang penyampai juga dikaitkan dengan nilai etos iaitu kemampuan seseorang penyampai untuk meyakinkan pendengar (Rieh & Danielson, 2007). Dalam masa yang sama, McCroskey & Young (1981) turut menyatakan bahawa kredibiliti seseorang penyampai dikaitkan dengan nilai etos. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada persepsi seseorang terhadap penyampai melalui tiga dimensi yang utama iaitu kepakaran (*phronesis*), pendirian diri (*areta*) dan tujuan (*eunomia*) terhadap pendengar.

Dalam konteks pendidikan, nilai etos guru boleh dinilai melalui komunikasi pedagogi. Komunikasi pedagogi melibatkan proses-proses seperti syarahan, perbincangan, pemberian tugas, penggredan, pemarkahan dan pengujian. Komunikasi pedagogi juga berkait rapat dengan retorik guru (Bovey, 1981).

Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi seseorang guru mempunyai nilai etos dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bertujuan supaya para pelajar dapat menggarap ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru dan secara tidak langsung memberi impak yang positif terhadap pencapaian pelajar.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dewasa ini, guru menghadapi pelbagai reaksi daripada masyarakat dan juga para pelajar. Di antara reaksi yang terdapat dalam profesion perguruan adalah seperti isu yang menjerumus kepada keganasan fizikal (Berita Harian, 29 Februari 2008; Berita Harian, 16 Februari 2008; Berita Harian, 10 Januari 2008; Harian Metro, 9 Februari 2008). Semua isu-isu yang berlaku di dalam profesion perguruan memberi impak yang

negatif yang menjurus kepada persepsi individu mahupun masyarakat terhadap kredibiliti guru sebagai pendidik kepada para pelajar.

Selain itu, dalam kajian yang dijalankan Jackson (2006) mendapati pelajar banyak memberikan maklumbalas negatif berkenaan pengajaran pensyarah terutamanya berkaitan aspek komunikasi, pengetahuan dan disiplin di dalam bilik kuliah. Ini termasuklah isu seperti penyampaian yang tidak melontarkan suara, tidak menggunakan contoh, penjelasan yang tidak jelas, syarahan yang tidak tersusun, kehadiran lewat, kurangnya menguasai subjek, nota yang tidak menarik dan gagal menguruskan kelas dengan baik di dalam dewan kuliah.

Di dalam proses pembelajaran, persepsi pelajar terhadap kredibiliti guru mempunyai impak yang sangat besar tentang bagaimana para pelajar akan bertindak terhadap guru dan bagaimana keberkesanan guru tersebut sebagai seorang pendidik dan penyampai maklumat (Frymier & Thompson, 1992). Kemerostan kredibiliti seseorang guru akan menyebabkan berlakunya ketidakharmonian di dalam kelas, dan lebih memburukkan lagi apabila tercetusnya keganasan dan akhirnya akan menyebabkan kurangnya rasa hormat dalam kalangan pelajar terhadap kredibiliti seseorang guru mahupun profesion perguruan itu sendiri (Haskins, 2000).

Jika pendengar mendapati penyampai, subjek dan pengolahan subjek tidak menarik dan tidak profesional, penilaian biasanya dibuat serta merta dan pendengar kurang menerima maklumat yang disampaikan oleh penyampai. Oleh yang demikian, mendapatkan perhatian pendengar adalah penting. (Andeweg et. al, 1998).

Dalam masa yang sama, media massa tempatan turut melaporkan keperluan nilai etos pada guru dalam usaha memastikan anak-anak bangsa mencatat pencapaian



cemerlang dalam era globalisasi sekarang. Guru yang mempunyai nilai etos boleh mendidik anak-anak bangsa dengan semangat atau roh yang jitu demi melihat anak-anak bangsa berjaya dan menguasai ilmu (Utusan Malaysia, 12 Ogos 2007).

Justeru itu, dalam konteks pembelajaran di peringkat tinggi seperti di universiti, keperluan nilai etos dalam diri pensyarah adalah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini turut dinyatakan oleh Bovey (1981) dan Haskins (2000) mengenai kepentingan nilai etos melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat memperolehi ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru dengan baik. Sehubungan dengan itu, pensyarah perlulah mempunyai nilai etos melalui komunikasi pedagogi yang baik agar ia sejajar dengan hasrat kerajaan dalam merialisasikan pembentukan modal insan dalam kalangan pelajar

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai penyampai, pensyarah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang atau subjek tertentu. Namun, sekiranya pendengar atau pelajar gagal untuk menggarap ilmu pengetahuan yang disampaikan pensyarah, tahap kepakaran pensyarah tidak dapat ditonjolkan (Redmond, 2000). Selain itu, pengajaran pensyarah sering mendapat maklumbalas negatif daripada pelajar terutamanya dalam aspek komunikasi, pengetahuan dan disiplin di dalam bilik kuliah (Jackson, 2006).

Sebagaimana yang telah dinyatakan, nilai etos merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap individu atau kredibiliti yang seseorang lihat yang terdapat pada penyampai (Haskins, 2000). Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat

sejauh mana nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah UTHM semasa mengajar di dalam kelas.

#### 1.4 Matlamat Kajian

Berdasarkan masalah yang telah dinyatakan, maka matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah nilai etos melalui komunikasi pedagogi yang ditunjukkan oleh pensyarah UTHM semasa mengajar.

#### 1.5 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah dibentuk bagi membolehkan tujuan kajian dapat dicapai. Objektif tersebut ialah:

- i. Menentukan dimensi nilai etos yang terdapat pada pensyarah.
- ii. Mengenal pasti penguasaan nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran.
- iii. Mengetahui hubungan antara nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dengan pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan masalah yang telah dinyatakan, beberapa persoalan telah wujud yang menjadi persoalan kajian ini iaitu:

- i. Apakah dimensi nilai etos yang terdapat pada pensyarah?
- ii. Sejauh manakah penguasaan nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran?
- iii. Adakah wujud hubungan di antara nilai etos dengan proses pembelajaran pelajar?


## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini telah ditetapkan untuk dilakukan ke atas pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kajian ini adalah untuk melihat nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah yang mengajar melalui perspektif pelajar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza-beza dari segi umur dan pengalaman di dalam bidang pendidikan. Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional tidak dipilih adalah untuk mewujudkan perbezaan persepsi yang lebih ketara dalam kalangan responden dari segi aspek penilaian terhadap pensyarah. Nilai etos melalui komunikasi pedagogi yang dilihat adalah berdasarkan tiga dimensi utama iaitu kepakaran (*phronesis*), pendirian diri (*arete*) dan tujuan (*eunomia*) terhadap pendengar.

## 1.8 Kerangka Konsep

Penyelidik menggunakan kerangka konsep yang diubahsuai daripada Retorik guru (Bovey, 1981) untuk mengenalpasti nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi pensyarah di UTHM. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang digunakan penyelidik dalam kajian ini.

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dapat dinilai menerusi tiga dimensi utama iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan. Di dalam kerangka konsep ini, nilai etos yang terdiri daripada tiga dimensi utama iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan pensyarah dilihat dari dua sudut yang berbeza iaitu pembolehubah kandungan (*initial ethos*) dan pembolehubah persembahan (*derived ethos*). Bagi dimensi nilai etos dari aspek kepakaran, pembolehubah kandungan terdiri daripada pengetahuan, autoriti dan kebijaksanaan manakala pembolehubah persembahan pula terdiri daripada syarahan, perbincangan, pemarkahan dan nota edaran. Bagi dimensi nilai etos dari aspek pendirian diri pula, pembolehubah kandungan terdiri daripada integriti dan keadilan manakala pembolehubah persembahan pula terdiri daripada perbincangan, pemberian tugas, penampilan dan pemarkahan. Akhir sekali, bagi dimensi nilai etos dari aspek tujuan pula, pembolehubah kandungan terdiri daripada matlamat, sikap dan pengenalan diri manakala pembolehubah persembahan pula terdiri daripada perbincangan, pengredan dan pengujian



Rajah I.1: Kerangka Konsep Kajian (Bovey, 1981)

## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat memberi kepentingan dengan memberi maklumat dan gambaran kepada golongan berikut:

### i. Pentadbiran

Maklumat dari kajian ini dapat memberi petunjuk kepada pihak pentadbiran universiti untuk mengadakan kursus yang berkaitan dengan nilai etos melalui komunikasi pedagogi supaya keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan.

### ii. Pensyarah

Maklumat dari kajian ini diharap dapat memberi petunjuk bagi tujuan refleksi sendiri pensyarah terhadap nilai etos melalui komunikasi pedagogi yang tingkah laku sepatutnya pensyarah amalkan semasa mengajar. Ini kerana menurut Apple (1999), penilaian terhadap guru dapat memberi peluang guru untuk melakukan refleksi terhadap pengamalan seharian dan memperbaikinya. Di samping itu, penilaian juga dapat menunjukkan kesilapan yang berlaku di dalam proses pedagogi sama ada kekurangan bahan dan latihan dalam pengajaran.

iii. Pelajar

Gambaran khusus kepada pelajar terutamanya kepada pelajar dalam bidang pendidikan supaya mereka dapat mengetahui tentang sikap-sikap yang harus ada pada diri pelajar sebelum berkhidmat dalam bidang pendidikan.

#### 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan perspektif pelajar terhadap nilai etos pensyarah yang mengajar mereka. Oleh itu, ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan dan ketelusan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka. Oleh kerana kajian hanya ditumpukan kepada pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM sahaja, maka interpretasi dan kesimpulan kajian ini tidak dapat mewakili nilai etos keseluruhan pensyarah di UTHM kerana hanya Fakulti Pendidikan Teknikal sahaja yang dikaji .

#### 1.11 Definisi Istilah Dan Pengoperasian

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini mungkin akan mengelirukan dari segi makna. Oleh itu istilah yang dinyatakan ini adalah merujuk secara langsung kepada apa yang dimaksudkan oleh kajian ini.

i. Nilai etos

Dalam kajian ini nilai etos merujuk kepada kredibiliti seseorang penyampai. Nilai etos juga merujuk kepada ciri-ciri penyampai yang meyakinkan apabila ucapan yang disampaikan berjaya membuatkan ia dipercayai (Haskins, 2000). Tiga dimensi yang utama yang akan dikaji adalah kepakaran (*phronesis*), pendirian diri (*arete*) dan tujuan (*eunomia*) terhadap pendengar menurut Mc Croskey & Young (1981).

ii. Pensyarah

Merupakan orang yang memberikan syarahan atau guru yang memberikan kuliah di universiti. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada pensyarah yang mengajar pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

iii. Pelajar

Dalam kajian ini, pelajar adalah merujuk kepada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

iv. Komunikasi pedagogi

Dalam kajian ini, komunikasi pedagogi merujuk aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses seperti syarahan, perbincangan, pemarkahan, nota edaran, pemberian



tugas, penampilan, pengredan dan pengujian berdasarkan Bovey (1981). Di samping itu juga, komunikasi pedagogi juga melibatkan komunikasi sama ada verbal mahupun komunikasi nonverbal dalam menerangkan sesuatu subjek yang diajarkan. Ini termasuklah variasi vokal (cth: perubahan nada, intonasi) atau variasi visual (cth: perubahan riak muka, pertembungan mata, gerak tubuh) yang digunakan guru untuk membantu menyampaikan maklumat kepada pelajar (Haskins, 2000).



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Terdapat banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji kredibiliti pendidik dari persepsi pelajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini merupakan isu utama yang sering dibincangkan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta efektif dan mampu memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Selain itu, kajian juga ada dilakukan bagi mengetahui ciri-ciri dan tingkah laku pengajar atau pendidik dan hubungannya dengan pembelajaran pelajar serta penyampaian dalam pengajaran kepada pelajar (Banfield, Richmond & McCroskey, 2006). Kajian untuk meningkatkan mutu proses pengajaran dan pengajaran sering diberi perhatian dalam memastikan keberkesanan proses pembelajaran dalam mewujudkan perubahan dalam diri pelajar sama ada kognitif, afektif mahupun psikomotor.

## 2.2 Nilai Etos

Dalam proses penyampaian sesuatu maklumat kepada pendengar, kredibiliti seorang penyampai atau pendidik dalam konteks proses pengajaran dan pembelajaran boleh dikaitkan dengan nilai etos. Etos merupakan perkataan yang berasal dari *Greek* yang menyatakan etos adalah karakter seseorang penyampai yang menyebabkan keyakinan apabila syarahan atau ucapan disampaikan. Dengan erti kata lain, etos menyebabkan pendengar berasa yakin dan percaya terhadap penyampaian penyampai terhadap sesuatu perkara atau topik yang disampaikan (Mc Croskey & Young, 1981). Oleh yang demikian, dalam proses penyampaian maklumat di dalam kelas, guru atau pendidik ingin menunjukkan nilai etos yang tinggi di hadapan pelajar-pelajar agar pembelajaran lebih berkesan. Etos boleh juga didefinisikan sebagai darjah penerimaan individu (*perceived degree of character*) atau kredibiliti yang terdapat di dalam seseorang individu yang dinilai oleh orang lain atau pendengar (Haskins, 2000).

Terdapat pelbagai definisi yang menyatakan etos adalah kaedah retorik yang digunakan untuk meyakinkan dalam menguatkan hujah dalam penyampaian. Kata dasar berasal daripada perkataan *ethikos* yang bermaksud menunjukkan nilai moral. Di dalam proses menilai kredibiliti seseorang penyampai, terdapat beberapa dimensi yang boleh dijadikan sebagai ukuran dalam menilai seseorang penyampai. Ia bermula dengan kredibiliti penyampai atau nilai etos yang diperkenalkan oleh *Aristotle* yang terdiri daripada dimensi kebijaksanaan (*Intelligence*), karakter (*Character*) dan tujuan baik (*good will*) terhadap pendengar. Dua ribu tiga ratus tahun selepas itu, tiga orang psikologi sosial, Carl I. Hovland, Irving L. Janus dan Harold H. Kelley ketika mengkaji berkenaan kredibiliti penyampai mengenal pasti dimensi kepakaran (*expertness*), kebolehpercayaan (*trustworthiness*) dan tujuan (*intention*) terhadap pendengar (McCroskey, 2006).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dimensi nilai etos dari dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan saling berkait dengan komunikasi pedagogi seseorang guru (Bovey, 1981; Haskins, 2000). Adalah amat penting untuk menyedari hakikat bahawa etos bukanlah boleh dinilai oleh seseorang penyampai itu sendiri, tetapi ia adalah penilaian yang dilakukan oleh pendengar terhadap penyampaian seseorang. Dalam menilai nilai etos seseorang penyampai sama ada tinggi mahupun rendah, pendengar yang berhak menilai etos seseorang penyampai (Bovey, 1981).

Menurut McCroskey (2006), etos merupakan sikap pendengar terhadap penyampai dalam proses komunikasi pada satu-satu masa. Kredibiliti penyampai, prestij, dan pembuktian peribadi (*personal proof*) adalah terma yang biasa digunakan dalam pembinaan apa yang didefinisikan sebagai etos. Etos awal (*Initial ethos*) merupakan etos penyampai yang dilihat sebelum seseorang penyampai melakukan proses komunikasi. Etos terbitan (*Derived ethos*) adalah etos penyampai yang dihasilkan dari proses komunikasi. Ia melibatkan impak terhadap mesej, kesan terhadap perlakuan komunikasi dan penyampaian mesej. Etos terminal (*Terminal ethos*) merujuk kepada etos penyampai setelah selesai proses komunikasi. Ia merupakan hasil dari interaksi etos awal (*Initial ethos*) dan etos terbitan (*Derived ethos*).

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti, pensyarah merupakan penyampai dan perlu memiliki nilai etos yang tinggi dari para pelajarinya (Haskins, 2000). Terdapat dua perkara yang perlu jelas terhadap nilai etos iaitu, kita biasanya akan merujuk etos kepada kredibiliti penyampai. Ini membuatkan orang berfikir bahawa penyampai mempunyai nilai etos. Jika penyampai tidak mempunyai nilai etos, maka pendengar yang mempunyai nilai etos. Ia merupakan sesuatu yang terdapat di dalam minda pendengar, sama seperti sikap. Keduanya etos penyampai akan berubah dari masa ke semasa walaupun dalam kalangan pendengar yang sama. Seperti

sikap yang lain, etos merupakan subjek yang berubah hasil dari pengalaman pendengar bersama penyampai (McCroskey, 2006).

Menurut Haskins (2000), etos penyampai boleh diperbaiki melalui komunikasi pedagogi di dalam kelas. Ini merujuk kepada etos terbitan (*derived ethos*) yang dinyatakan oleh McCroskey (2006). Di antara dimensi nilai etos dan kaedah mempertingkatnya dinyatakan seperti berikut berdasarkan dimensi yang terdapat di dalam nilai etos (Haskins, 2000).

Dimensi pertama untuk menilai nilai etos seseorang pensyarah adalah kepercayaan (*trust*). Kepercayaan wujud dalam komunikasi seharian sama ada dalam kalangan rakan-rakan, ahli keluarga, doktor dengan pesakit dan juga guru dengan pelajar. Kepercayaan boleh juga didefinisikan sebagai meletak keyakinan terhadap seseorang. Di dalam konteks pembelajaran bilik darjah atau kuliah, pelajar dan pensyarah perlu meletakkan kepercayaan di antara satu sama lain. Kepercayaan ini penting dalam mewujudkan pembelajaran yang efektif berlaku di dalam kelas. Kepercayaan boleh diperolehi menerusi proses komunikasi pedagogi yang ditonjolkan oleh pensyarah terhadap pelajar seperti menyampaikan maklumat dengan jujur di dalam syarahan, kenal pasti kekuatan dan kelemahan maklumat, memperkenalkan sumber maklumat yang digunakan di dalam membangunkan material pembelajaran, menerangkan kebaikan analisis dan perdebatan dengan bukti yang kukuh.

Dimensi kedua dalam menilai nilai etos adalah kompeten (*competent*). Kompeten merujuk kepada persepsi orang lain terhadap kepakaran terhadap topik, kemampuan atau penguasaan menguasai sesuatu ilmu atau bidang pengetahuan, serta kemampuan menyampaikan pengetahuan dengan jelas dan nyata. Dimensi ini turut dinyatakan oleh Teven & Hanson (2004) dan McCroskey (2006). Pensyarah biasanya menghadapi senario dinilai dan diuji oleh pelajar berdasarkan kepada tahap pengetahuan

sesuatu subjek. Tambahan lagi, bagaimana penguasaan pensyarah terhadap sesuatu subjek dan bagaimana komunikasi untuk menyampaikan maklumat, memberi impak terhadap persepsi pelajar terhadap pensyarah.

Dimensi ketiga untuk menilai nilai etos adalah dinamik (*dynamism*). Dinamik merujuk kepada tahap pendengar menggemari dan mengenalpasti bahawa terdapatnya semangat, daya penarik dan juga kuasa. Dimensi ini lebih merujuk kepada tahap karisma seseorang penyampai. Seseorang pensyarah menunjukkan tenaga yang tinggi dalam penyampaiannya, terdapat juga yang dramatik dan juga menarik minat pendengar. Penyampai yang dinamik biasanya menguasai situasi dan mengawal penyampaian maklumat dengan baik dan berkesan.

Dimensi keempat untuk menilai nilai etos seseorang penyampai atau pensyarah adalah kelangsungan tingkah laku (*immediacy behavior*). Dimensi ini turut dinyatakan di dalam kajian Thomas, Richmond dan McCroskey pada tahun 1994. Ini merujuk kepada pergerakan fizikal, pertembungan mata, dan gaya semasa proses pembelajaran yang dijalankan. Dalam proses penyampaian maklumat kepada pelajar, pensyarah biasanya menunjukkan perlakuan atau tingkah laku yang dapat mengurangkan jurang (*psychological distance*) di antara pensyarah dan pelajar sama ada dari segi psikologi mahupun fizikal. Oleh yang demikian, pelajar akan berasa selesa dan tenang sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Perlakuan ini penting dalam proses menyampaikan maklumat kepada pelajar kerana ia menjadikan pembelajaran lebih efektif serta dapat menarik penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran di dalam kelas.

Terdapat pelbagai dimensi yang boleh digunakan dalam mengkaji nilai etos seseorang penyampai. Menurut Eisend (2006) dimensi nilai etos yang biasa dikaji terhadap penyampai adalah kompeten (*competent*) dan perihal meyakinkan (*persuasive*).

Walau bagaimanapun, kesemua dimensi yang dinyatakan adalah interpretasi daripada tiga dimensi utama iaitu kepakaran (*phronesis*), pendirian diri (*areta*) dan tujuan baik terhadap pendengar (*eunomia*).

### 2.3 Komunikasi Pedagogi

Di dalam sistem pendidikan formal, proses utama yang terlibat adalah proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran merupakan proses yang dilakukan oleh guru dan pembelajaran dilakukan oleh pelajar. Pengajaran ialah proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Di samping itu juga, pengajaran meliputi perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian (Mok Soon Sang, 2003). Manakala menurut Ee Ah Meng (2002), pengajaran boleh didefinisikan sebagai proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai. Proses pengajaran adalah aktiviti atau proses menyampaikan pelajaran kerana melibatkan aktiviti merancang, menyoal, mendengar, menggalakkan dan pelbagai aktiviti lain supaya pembelajaran berlaku. Tujuan pengajaran ialah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar (Sharifah Alwiyah Alsagof, 1985).

Proses pengajaran akan berlaku didalam satu tempat dan kebiasaanya ialah bilik kuliah. Di sinilah seseorang pengajar itu akan mengajar pelajar mengenai sesuatu subjek atau mata pelajaran. Dengan adanya pengajar, pembelajaran pelajar akan menjadi lebih mudah dan seharusnya pengajaran dapat menghasilkan pembelajaran pelajar. Dalam bidang pendidikan, pedagogi merupakan cara mengajar atau seni mengajar. Dahulu ia dikatakan sebagai seni dan mereka yang berbakat dan berkebolehan sahaja yang mampu melaksanakan tugas-tugas pengajaran dengan

Jadual 3.4 : Tatacara Pengumpulan Data

Peringkat	Pelaksanaan
1	Mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjalankan kajian di Fakulti Pendidikan Teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (LAMPIRAN C)
2	Inventori nilai etos yang telah diterjemah dan diubahsuai ditunjukkan kepada penyelia dan mendapatkan pengesahan dari beberapa orang pensyarah yang bertauliah.
3	Pengedaran borang soal selidik yang telah disemak dan disahkan oleh pakar kepada 31 orang pelajar sampel secara rawak yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk tujuan kajian rintis.
4	Mengedarkan borang soal selidik kepada sampel yang telah dipilih setelah yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kaedah pengedaran soal selidik adalah berdasarkan Thomas et. al. (1994), di mana kaedah ini direkabentuk untuk mengatasi masalah guru tidak mahu pelajar untuk melengkapkan borang soal selidik di dalam kelas dan kesan berat sebelah kepada dapatan kajian. Prosedur menghendaki pelajar melengkapkan borang soal selidik terhadap pensyarah sama ada sebelum kelas bermula atau selepas tamat kelas ketika data diambil.



mempersembahkan diri kepada pendengar. Walaupun guru atau pendidik telah menerima latihan dan kemahiran bagaimana untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar, kadangkala guru tidak dapat mengenalpasti kesilapan yang berlaku (Apple, 1999). Walau bagaimanapun, kemahiran retorik dalam pengajaran mengkehendaki perhatian yang sama terhadap kandungan (*contents*) dan penyampaian di dalam menyampaikan maklumat kerana pendidik turut mempersembahkan dirinya (*character*) juga di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Bovey, 1981).

Guru merupakan insan yang penting dalam sistem persekolahan. Tanpa guru aktiviti pengajaran tidak dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Selain dari menyebarkan ilmu, tingkah laku dan peribadi guru juga akan menjadi teladan kepada pelajar. Oleh yang demikian, adalah penting bagi seseorang guru mempunyai sifat dan kualiti peribadi, profesional dan sosial yang baik serta nilai-nilai murni. Guru yang mempunyai ciri-ciri ini akan lebih berjaya menjalankan tugas sebagai pendidik dengan sempurna.

Seseorang guru yang baik seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi yang baik, seperti baik hati, jenaka, sabar, bertanggungjawab, yakin dan berkepimpinan (Mok Soon Sang, 2003). Selain daripada mempunyai personaliti yang baik, guru juga seharusnya mempunyai kualiti sosial yang baik (*socio-communicative style*). Guru yang mempunyai sifat dan kualiti sosial yang baik akan menyebabkan pelajar akan suka berdamping dengan mereka, dan guru-guru yang lain suka bergaul dengannya (Thomas, Richmond & McCroskey, 1994). Personaliti yang diperlukan dalam aspek sosial adalah merangkumi budi pekerti, ramah mesra, merendah diri, semangat berbakti dan jujur. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Rekha (1957) menunjukkan ciri guru yang berkesan memperolehi kepuasan hati dengan berdamping dengan pelajar dan melihat pelajar tersebut berjaya. Selain itu, guru juga mempunyai latar belakang yang baik, sifat mempercayai, bertanggung jawab, bertolak ansur, mesra dan adil.


Disamping itu, kajian yang dijalankan oleh Norizan dan Asma (2000) pula mendapati bahawa ciri personaliti guru merupakan salah satu pembolehubah terpenting yang akan memudahkan atau menyulitkan proses pengajaran. Ciri personaliti guru iaitu jujur, sabar, mengambil berat kepada pelajar, berlaku adil, kreatif dan bertimbang rasa adalah merupakan personaliti yang penting dalam proses pengajaran. Haslett (1976) pula mengatakan personaliti guru yang baik adalah adil, bertanggungjawab, berminda terbuka, dan mengakui kesilapan.

Nilai etos di dalam proses komunikasi sentiasa melibatkan etos awal (*initial ethos*) dan etos terbitan (*derived ethos*) sama ada penyampai sedar mahupun tidak (McCroskey, 2006). Nilai etos yang baik dalam komunikasi dapat mengubah sikap dan memberi kesan kepada diri pendengar (Eisend, 2006). Di antara perkara yang penting adalah motivasi pendengar terhadap penyampai. Motivasi juga ialah suatu proses untuk menggalakkan sesuatu tingkah laku supaya dapat mencapai matlamat-matlamat tertentu. Ia merupakan akibat dari kemahuan dalam diri seseorang individu. Selain itu motivasi juga boleh ditakrifkan sebagai perangsang yang membangkitkan dan mengekalkan seseorang individu ke arah mencapai sesuatu matlamat tertentu termasuk merubah sikap, minat dan tingkah lakunya (Mok Soon Sang, 2001). Dalam proses pembelajaran pelajar di dalam kelas, adalah penting bagi seorang guru mempunyai nilai etos untuk menggalakkan proses pembelajaran dan penglibatan pelajar di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru.




## 2.5 Kredibiliti Penyampai Dalam Komunikasi

Proses komunikasi adalah proses pemindahan maksud dari seorang kepada orang lain atau orang ramai sama ada verbal mahupun non-verbal. Komunikasi dari seorang kepada orang lain biasanya digambarkan seperti segitiga yang mengandungi kandungan, penyampai, mesej dan penerima (Barret, D. J., 2006).



Rajah 2.1 : Segitiga Komunikasi (Barret, D. J., 2006)

Rajah 2.1 menunjukkan proses komunikasi yang mudah dan ideal. Berpandukan rajah tersebut, ia menunjukkan tidak terdapat salah faham dan tafsiran. Penyampai memahami konteks dan penerima, manakala penerima akan menerima dan memahami mesej seperti mana yang penyampai maksudkan. Pada hakikatnya, realiti proses komunikasi mirip seperti Rajah 2.2.



Rajah 2.2 : Gangguan Dalam Komunikasi (Barret, D. J., 2006)

Oleh yang demikian, dalam proses komunikasi, kredibiliti merupakan perkara yang penting bagi seseorang penyampai untuk meyakinkan pendengar terhadap penyampaiannya. Dalam proses penyampaian maklumat, penyampai perlu mengenalpasti dimensi kredibiliti yang boleh digunakan untuk meningkatkan kredibilitinya atau nilai etos. Perkara ini amatlah penting kerana kredibiliti penyampai mempunyai impak yang besar terhadap mesej yang disampaikan kepada pendengar iaitu perubahan dari segi perhatian, sikap dan kelakuan pendengar (Eisend, 2006). Penyampai yang mempunyai kredibiliti yang tinggi, akan menyebabkan perubahan yang besar terhadap sikap dan kelakuan pendengar berbanding penyampai yang mempunyai kredibiliti yang rendah (McCroskey, 2006).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pula, ia memerlukan perhatian daripada pendengar terutamanya dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, jika seseorang pensyarah mempunyai kredibiliti yang tinggi, pensyarah akan mudah mempengaruhi perhatian pelajar manakala jika pensyarah tidak mempunyai kredibiliti atau rendah, maka pensyarah akan memperolehi impak yang sedikit daripada pelajar (McCroskey, 1971).

Selain itu, Cialdini, R. (2001) menyatakan tiada penyampai akan berjaya tanpa menguasai seni meyakinkan (*persuasion*). Dengan mewujudkan etos yang positif untuk membantu seni meyakinkan, memahami apa yang memotivasikan orang lain ia akan membantu mendapatkan perhatian daripada pendengar.

## 2.6 Sorotan kajian lepas

Sorotan kajian lepas memainkan peranan penting dalam menjalankan kajian ini di mana ia dijadikan garis panduan serta rujukan dalam pelaksanaan kajian ini. Terdapat dua kajian pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan nilai etos guru sebagai penyampai.

### 2.6.1 Etos Dan Kredibiliti: Pembinaan Dan Pengukuran Selepas Tiga Dekad

Kajian yang dijalankan oleh McCroskey (1981) bertujuan untuk mengkaji impak pembolehubah terhadap kredibiliti sumber dan membina satu pengukuran terhadapnya. Ia juga bertujuan mendalami proses komunikasi manusia.

Kajian ini membina skala menggunakan tiga kaedah iaitu:

- i. Sampel seramai 726 orang pelajar yang mengikuti kelas komunikasi diminta untuk menjelaskan bagaimana sifat orang yang sangat dipercayai dan sifat orang tidak boleh dipercayai.
- ii. Kajian literatur berkaitan etos dan kredibiliti sumber dikaji untuk mencari perkataan yang menerangkan sumber berkredibiliti dan sumber tidak berkredibiliti.
- iii. Kajian lepas berkaitan pengukuran kredibiliti sumber dan etos untuk mencari perkataan sifat yang kerap digunakan.

Dapatan kajian mendapati 8 dimensi kredibiliti sumber diperolehi. Namun kajian mendapati 3 dimensi yang relevan iaitu kebijaksanaan, karakter dan tujuan yang baik.

#### **2.6.2 Penilaian Terhadap Penyampai Umum**

Kajian yang dijalankan Hansen (2002) bertujuan mengkaji faktor yang membentuk kredibiliti seseorang penyampai. Kajian dilakukan terhadap lima penyampai dan mendapati kredibiliti atau kebolehpercayaan, karisma dan emosi merupakan perkara utama dalam mempengaruhi kepercayaan pendengar terhadap seseorang penyampai. Menurut beliau, faktor pertama iaitu kebolehpercayaan

pendengar terhadap penyampai terdiri daripada komponen-komponen seperti kebijaksanaan, bermatlamat dan kompeten. Faktor kedua iaitu karisma terdiri daripada ekstrovert dan keghairahan merupakan komponen bagi karisma manakala faktor emosi terdiri daripada sensitif, tenang dan mampu mengakui kesilapan.

## 2.7 Rumusan

Nilai etos merupakan komponen yang penting dalam diri seseorang guru dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar. Hal ini telah dibincangkan dalam kajian-kajian penyelidikan di dalam bidang komunikasi seperti McCroskey (1981). Oleh itu, guru perlulah mempunyai nilai etos yang terdiri daripada dimensi seperti kepakaran (phronesis), pendirian diri (areta) dan tujuan baik kepada pendengar (eunonia).



## BAB III

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji menerangkan segala prosedur dan kaedah kajian yang dijalankan. Dalam melaksanakan sesuatu kajian, pengkaji harus menerangkan tatacara melaksanakan sesuatu kajian yang dikenali sebagai metodologi kajian. Metodologi ditakrifkan sebagai set atau sistem yang melibatkan kaedah yang mempunyai prosedur, teknik dan perancangan yang hendak dilakukan, prinsip dan peraturan yang sistematik, yang mana ia merupakan hasil ciptaan dan kemahiran. Bab ini membincangkan dan menghuraikan berkaitan dengan:

- i. Rekabentuk kajian
- ii. Populasi dan sampel kajian
- iii. Instrumen kajian
- iv. Kaedah pengumpulan data
- v. Kaedah penganalisan data



### 3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang akan dijalankan di dalam kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk tinjauan. Pendekatan kaedah kuantitatif digunakan di dalam kajian ini kerana instrumen soal selidik digunakan. Menurut Wiersma (2000), kajian tinjauan dapat digunakan dengan berkesan untuk mengukur tingkah laku, pendapat, pencapaian serta apa sahaja pemboleh ubah yang berada dalam keadaan semula jadi. Manakala menurut Muijs (2004) menyatakan bahawa kajian yang menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif amat sesuai untuk mendapatkan maklumat dari bilangan unit yang besar.

Data-data yang dikumpulkan dari kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Statistik deskriptif merupakan prosedur dan pengukuran yang membolehkan kita menjelaskan data kuantitatif (Wiersma, 2000). Arahan deskriptif membolehkan pengguna menghasilkan analisis statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan sebagainya bagi set pemboleh ubah. Data-data ini dianalisis bagi melihat nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah UTHM.

### 3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian akan difokuskan kepada pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensisvazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pelajar ini dipilih kerana pelajar ini mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza dari segi

umur di mana pelajar sarjana muda berada dalam lingkungan 25 tahun ke bawah manakala pelajar diploma pendidikan dan pensiwazahaan guru besar berada dalam lingkungan 26 tahun dan ke atas. Selain itu, sampel ini dipilih kerana terdapatnya perbezaan pengalaman dalam bidang pendidikan dalam kalangan responden. Merujuk kepada kaedah persampelan berstruktur Krejjei dan Morgan (1970), jumlah sampel kajian yang diambil berdasarkan populasi yang terdapat di lokasi kajian iaitu pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM. Jumlah populasi bagi pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional ialah 965 orang responden. Dengan merujuk jadual Krejjei dan Morgan, jumlah sampel yang diambil ialah sebanyak 285 orang responden. Jadual Krejjei dan Morgan bagi menentukan jumlah sampel boleh dilihat pada LAMPIRAN A.

#### 3.4 Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen di dalam kajian yang dilaksanakan bagi mendapatkan sumber maklumat yang berkaitan daripada responden. Instrumen dibentuk melalui perbincangan bersama penyelia dan berpandukan sorotan kajian. Soalan-soalan yang direka bentuk adalah berkaitan dengan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan set soalan kaji selidik berdasarkan inventori (Bovey, 1981) tetapi telah diubah suai oleh pengkaji mengikut kesesuaian soalan kajian.

Pengedaran soal selidik dilakukan dengan bantuan daripada wakil pelajar yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Soal selidik ini

terbahagi kepada lima bahagian untuk memudahkan responden menjawab soalan yang diberi dan memudahkan penyelidik membuat analisis.

**Jadual 3.1 : Format borang soal selidik**

BAHAGIAN	PERKARA	BENTUK ITEM
	Demografi Pelajar	Pilihan jawapan
<b>I</b>	Kepakaran	Pilihan jawapan
<b>II</b>	Pendirian Diri	Pilihan jawapan
<b>III</b>	Tujuan	Pilihan jawapan
<b>IV</b>	Pembelajaran Pelajar	Pilihan jawapan

Bahagian demografi bertujuan untuk memperolehi maklumat tentang latar belakang responden yang terdiri daripada jantina dan peringkat pengajian.

Bahagian I bertujuan untuk mengenalpasti dimensi nilai etos yang pertama iaitu kepakaran dari aspek kandungan dan persembahan. Bahagian kepakaran terdiri daripada aspek kandungan ini mengandungi tiga pecahan item iaitu pengetahuan, autoriti dan kebijaksanaan manakala bahagian kepakaran dari aspek persembahan pula terdiri daripada empat pecahan item iaitu syarahan, perbincangan, pemarkahan dan nota edaran.

Bahagian II bertujuan untuk mengenalpasti dimensi nilai etos yang kedua iaitu pendirian diri dari aspek kandungan dan persembahan. Bahagian pendirian diri terdiri

daripada aspek kandungan ini mengandungi dua pecahan utama iaitu integriti dan keadilan manakala bahagian pendirian diri dari aspek persembahan pula terdiri daripada empat pecahan item iaitu perbincangan, pemberian tugas, penampilan dan pemarkahan.

Bahagian III bertujuan untuk mengenalpasti dimensi nilai etos yang ketiga iaitu tujuan dari aspek kandungan dan persembahan. Bahagian tujuan terdiri daripada aspek kandungan ini mengandungi tiga pecahan utama iaitu matlamat, sikap dan pengenalan diri manakala bahagian tujuan dari aspek persembahan pula terdiri daripada tiga pecahan item iaitu perbincangan, penggredan dan pengujian.

Bahagian IV bertujuan untuk mengenalpasti nilai etos terhadap aspek pembelajaran pelajar. Pembahagian item yang lebih jelas ditunjukkan pada Jadual 3.2 seperti berikut :

Jadual 3.2 : Format Borang Soal Selidik

BAHAGIAN	PERKARA	DIMENSI	INDIKATOR (Pembolehubah)	BILANGAN ITEM	ITEM
	Demografi Pelajar			3	1, 2, 3
1	Mempersembahkan Intelektual Diri	Kepakaran	<b>Kandungan</b>		
			1. Pengetahuan	3	a, b, c
			2. Autoriti	3	a, b, c
			3. Kebijaksanaan	3	a, b, c
			Jumlah	9	

			<b>Persembahan</b>		
			1. Syarahan	3	a, b, c
			2. Perbincangan	3	a, b, c
			3. Pemarkahan	3	a, b, c
			4. Nota Edaran	2	a, b
			Jumlah	11	
			<b>Kandungan</b>		
			1. Integriti	3	a, b, c
			2. Keadilan	4	a, b, c, d
			Jumlah	7	
			<b>Persembahan</b>		
			1. Perbincangan	3	a, b, c
			2. Pemberian Tugasan	4	a, b, c, d
			3. Penampilan	2	a, b
			4. Pemarkahan	2	a, b
			Jumlah	11	
			<b>Kandungan</b>		
			1. Matlamat	3	a, b, c,
			2. Sikap	4	a, b, c, d
			3. Pengenalan Diri	5	a, b, c, d, e
			Jumlah	12	
<b>II</b>	Mempersembahkan Kewibawaan Diri	Pendirian Diri			
<b>III</b>	Mempersembahkan Pencapaian Diri	Tujuan			

		Persembahan		
		1. Perbincangan	5	a, b, c, d, e
		2. Penggredan	3	a, b, c
		3. Pengujian	2	a, b
		Jumlah	10	
IV	Pembelajaran Pelajar		7	a, b, c, d, e, f, g
		Jumlah	7	

Bagi Bahagian I, II, III dan IV borang soal selidik, pengukuran dilakukan dengan menggunakan Skala Likert. Skala Likert sesuai digunakan dalam kajian kerana ia merupakan satu inventori sikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial. Soal selidik adalah seperti pada bahagian **LAMPIRAN B**. Bilangan item bagi setiap bahagian di dalam soal selidik adalah tidak sama rata jumlahnya bagi dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan bagi mengkaji nilai etos pensyarah. Walaubagaimanapun jumlah tersebut memadai untuk menjawab persoalan kajian di dalam kajian ini. Ini adalah berdasarkan proses perbincangan bersama penyelia, pengesahan pakar dan kajian rintis yang telah dilakukan oleh penyelidik terhadap inventori soal selidik Bovey (1981) yang digunakan. Bagi menjawab setiap item di dalam borang soal selidik, responden menjawab soal dengan menanda pada mana-mana petak pilihan jawapan yang disediakan. Skala likert yang digunakan adalah seperti Jadual 3.3.

**Jadual 3.3 : Pemberatan Skala Likert**

Maklumbalas	Skala
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

(Chua Yan Piaw,2006)

### 3.5 Proses Pengumpulan Data

Di dalam kajian, proses pengumpulan data melibatkan tiga perkara iaitu tatacara pengumpulan data, pengumpulan data penyelidikan dan sumber data. Berikut diterangkan tatacara, pengumpulan data penyelidikan dan sumber data di dalam kajian ini.

#### 3.5.1 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data dan maklumat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 3.4 : Tatacara Pengumpulan Data

Peringkat	Pelaksanaan
1	Mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjalankan kajian di Fakulti Pendidikan Teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (LAMPIRAN C)
2	Inventori nilai etos yang telah diterjemah dan diubahsuai ditunjukkan kepada penyelia dan mendapatkan pengesahan dari beberapa orang pensyarah yang bertauliah.
3	Pengedaran borang soal selidik yang telah disemak dan disahkan oleh pakar kepada 31 orang pelajar sampel secara rawak yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk tujuan kajian rintis.
4	Mengedarkan borang soal selidik kepada sampel yang telah dipilih setelah yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kaedah pengedaran soal selidik adalah berdasarkan Thomas et. al. (1994), di mana kaedah ini direkabentuk untuk mengatasi masalah guru tidak mahu pelajar untuk melengkapkan borang soal selidik di dalam kelas dan kesan berat sebelah kepada dapatan kajian. Prosedur menghendaki pelajar melengkapkan borang soal selidik terhadap pensyarah sama ada sebelum kelas bermula atau selepas tamat kelas ketika data diambil.



### 3.5.2 Pengumpulan Data Penyelidikan

Pengumpulan data penyelidikan bagi kajian ini diperolehi daripada jawapan borang soal selidik pelajar dan ia dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi jawapan bagi maklumat latar belakang responden yang terdiri daripada jantina dan peringkat pengajian yang diikuti. Bahagian kedua pula mengandungi jawapan responden berkaitan nilai etos yang terdiri daripada dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan serta pembelajaran pelajar. Jumlah item bagi nilai etos berdasarkan dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan sebanyak enam puluh (60) manakala item bagi pembelajaran pelajar sebanyak tujuh (7). Pembahagian bagi setiap item ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5 : Jadual Pembahagian Item Soal Selidik

Bilangan	Kriteria	Jumlah Item
1	Kepakaran	20
2	Pendirian Diri	18
3	Tujuan	22
4	Pembelajaran Pelajar	7

### 3.5.3 Sumber Data

Di dalam kajian, ini terdapat dua cara akan digunakan iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder.

- i. Data Primer : terdiri daripada data yang dikumpulkan melalui jawapan soal selidik yang diagihkan kepada pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan UTHM.
- ii. Data Sekunder : terdiri daripada data-data yang dikumpulkan melalui pelbagai sumber yang meliputi buku-buku rujukan, jurnal, tesis dan kajian kes.

### 3.6 Kerangka Kerja Operasi

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah merancang dan menyusun langkah-langkah yang perlu dilakukan dari awal hinggalah ke peringkat akhir kajian ini. Langkah-langkah ini dapat dilihat melalui kerangka operasi seperti dalam Rajah 3.1.


Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah secara berperingkat-peringkat bermula dengan mengenal pasti masalah. Dalam peringkat ini, masalah yang dikenalpasti ialah sejauh manakah tahap penguasaan nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran.

Setelah mengenalpasti masalah, pengkaji telah mengenalpasti item-item yang akan digunakan dalam soal selidik. Soalan bagi soal selidik akan dibangunkan berdasarkan item-item yang telah dikenal pasti iaitu demografi responden dan tiga dimensi utama nilai etos dan nilai etos terhadap pembelajaran pelajar.

Kajian rintis dijalankan ke atas borang soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji. Kajian rintis ini dijalankan bagi menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan. Kajian rintis ini akan dilakukan terhadap 31 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM. Kajian rintis ini diuji menggunakan pekali *Alpha Cronbach* menerusi *Reliability Analysis* di dalam perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 13.0*.

Selepas itu, pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden sebenar bagi mendapatkan maklum balas terhadap kajian yang dijalankan. Responden ini terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Pelajar Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Data-data yang diperolehi dari instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 13.0*. Pada akhir proses, pengkaji akan merumuskan kajian berdasarkan dapatan yang diperolehi melalui analisis yang dibuat dan mencadangkan kajian lanjutan terhadap masalah yang dikaji.



Rajah 3.1 : Gambarajah Carta Alir Pelaksanaan Projek

### 3.7 Kajian Rintis

Dalam memastikan kelancaran kajian ini dan mencapai objektif yang dinyatakan, kajian rintis dilakukan agar borang soal selidik mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam kajian rintis ini, seramai 31 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang dibina.

Tahap kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik ditentukan dengan berpandukan nilai *Alpha Cronbach* dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 13.0*. Jadual interpretasi julat nilai *Alpha Cronbach* ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6 : Interpretasi Skor *Alpha Cronbach*

Skor Alpha Cronbach	Kesahan
0.9 - 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 - 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 - 0.7	Boleh diterima

(Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999)

### 3.8 Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan soal selidik penting dan perlu dilakukan sebelum mengedarkan soal selidik kepada responden untuk mendapat maklumat kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2004), kesahan sesuatu alat pengukur ialah sejauh mana sesuatu alat itu berupaya untuk mengukur seperti yang dikehendaki. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kesahan instrumen yang digunakan, instrumen yang dibina dirujuk kepada pakar yang terdiri daripada beberapa orang pensyarah di UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia). Kesahan daripada pensyarah UTHM adalah seperti pada LAMPIRAN D.

### 3.9 Hasil Kajian Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Kajian rintis telah dilaksanakan di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM yang terdiri dari kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan dimensi nilai etos dan pembelajaran pelajar ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7 : Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Bahagian	Bilangan Responden	Bilangan Item	Nilai Kebolehpercayaan ( $\alpha$ )
I. Kepakaran	31	20	0.915
II. Pendirian diri	31	18	0.921
III. Tujuan	31	22	0.909
IV. Pembelajaran Pelajar	31	7	0.916
Keseluruhan	31	67	0.915

Berdasarkan Jadual 3.7, didapati hasil dari analisis yang dilakukan, secara keseluruhannya nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi ialah 0.915 seperti yang dapat dilihat pada LAMPIRAN E.

### 3.10 Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 13.0*. Data akan dianalisis berdasarkan statistik deskriptif. Dalam kajian ini, statistik

deskriptif akan digunakan dalam mengetahui dan menggambarkan ciri dan pola sampel yang dipilih di dalam kajian. Selain itu juga, data dapat disusun, dipersembahkan dan dapat membuat perihalan terhadap data tersebut.

Kaedah analisis pertama yang digunakan untuk maklumat demografi responden adalah kekerapan dan peratusan. Seterusnya, untuk menganalisis soalan-soalan pada Bahagian I, Bahagian II, Bahagian III dan Bahagian IV, kaedah taburan kekerapan, peratusan dan skor min akan digunakan. Skor min akan memberikan kecenderungan secara purata pilihan jawapan yang diberikan responden untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Seterusnya, bagi menentukan kekuatan hubungan antara nilai etos dengan pembelajaran pelajar, ujian korelasi akan dilakukan ke atas dua pembolehubah tersebut iaitu nilai etos (pembolehubah tak bersandar) dan pembelajaran pelajar (pembolehubah bersandar) bagi mendapatkan nilai pekali kolerasi. Bahagian ini akan menjawab persoalan ketiga kajian.





## BAB IV

### ANALISIS DATA

#### 4.1 Pendahuluan

Bab ini melaporkan hasil analisis data yang telah dijalankan dan keputusan daripada kajian yang telah dilakukan. Hasil analisis pada bahagian ini diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Seramai dua ratus lapan puluh lima (285) orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk menjawab borang soal selidik. Kandungan borang soal selidik yang diedarkan adalah bertujuan untuk mengenalpasti maklumat dimensi nilai etos pensyarah sama ada dari aspek kandungan mahupun persembahan pensyarah dari persepsi pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang pengajian pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM. Data-data yang diperolehi dari borang soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel dan perisian statistik berkomputer iaitu *SPSS Version 13 for Windows (Statistical Package For Social Science)*.

Huraian analisis data dalam bab ini adalah berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab I sebelum ini. Hasil dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk skor min, sisihan piawai, peratusan dan pekali korelasi. Perkara-perkara yang terkandung dalam bab ini adalah seperti berikut:

- i. Prosedur menganalisis data soal selidik
- ii. Maklumat latar belakang responden
- iii. Dapatan Kajian
  - a. Persoalan kajian 1
  - b. Persoalan kajian 2
  - c. Persoalan kajian 3
- iv. Kesimpulan

#### 4.2 Prosedur Menganalisis Data Soal Selidik

Dalam kajian ini, sebanyak dua ratus lapan puluh lima (285) set borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Fakulti Pendidikan Teknikal. Borang soal selidik diedarkan melalui wakil-wakil kelas bagi setiap semester dari sesi 2007/2008 hingga sesi 2008/2009.

Dalam kajian ini, item-item yang telah dipilih digunakan untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan daripada responden. Item-item yang terdapat di dalam borang soal selidik di susun berdasarkan setiap persoalan kajian yang telah dinyatakan. Responden diminta untuk memberi maklumbalas kepada item dengan menggunakan Skala Likert yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Skala Likert

Skala	Ringkasan	Aras Persetujuan
1	STS	Sangat tidak setuju
2	TS	Tidak setuju
3	KS	Kurang setuju
4	S	Setuju
5	SS	Sangat setuju

(adaptasi dari Mohd Najib, 2003)

Item-item yang terkandung di dalam borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan *SPSS Version 13 for Windows*. Analisis yang dilakukan adalah untuk menentukan frekuensi pelajar mengikut bidang pengajian, skor min untuk setiap dimensi nilai etos dan pekali korelasi untuk menentukan hubungan nilai etos dalam proses pembelajaran pelajar. Spesifikasi julat bagi skor min ditunjukkan dalam Jadual 4.2 manakala kekuatan nilai pekali korelasi ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.2 : Nilai Skor Min bagi Nilai Etos

Nilai Skor Min	Tafsiran tahap
1.00-1.80	Sangat rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21- 5.0	Sangat tinggi

(adaptasi dari Mohd Najib, 2003)

**Jadual 4.3 : Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi**

Saiz pekali kolerasi (r)	Kekuatan kolerasi
0.91 – 1.00 atau -0.91 – -1.00	Sangat kuat
0.71 – 0.90 atau -0.71 – -0.90	Kuat
0.51 – 0.70 atau -0.51 – -0.70	Sederhana
0.31 – 0.50 atau -0.31 – -0.50	Lemah
0.01 – 0.30 atau -0.01 – -0.30	Sangat lemah
0.00	Tiada korelasi

(adaptasi dari Chua Yan Piaw, 2006)

#### 4.3 Maklumat Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini, seramai dua ratus lapan puluh lima (285) orang responden telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Responden terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Fakulti Pendidikan Teknikal. Latar belakang responden di dalam borang soal selidik terdiri daripada jantina dan kursus pengajian yang diikuti oleh pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal. Data yang diperolehi daripada responden diringkaskan mengikut bilangan dan peratusan. Seterusnya, data-data tersebut dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta bar.

#### 4.3.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Bilangan responden dalam kajian ini ialah seramai dua ratus lapan puluh lima (285) orang responden. Responden yang dipilih diambil secara rawak terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan Teknikal di UTHM. Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan pada Jadual 4.4. Berdasarkan Jadual 4.4, didapati bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan seramai 162 orang pelajar berbanding pelajar lelaki seramai 123 orang pelajar.

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	123	43.2
Perempuan	162	56.8
<b>Jumlah</b>	<b>285</b>	<b>100.0</b>

#### 4.3.2 Taburan Responden Mengikut Kursus Pengajian

Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Fakulti Pendidikan Teknikal. Taburan responden mengikut kursus ditunjukkan pada Jadual 4.5. Daripada Jadual 4.5, didapati pelajar Ijazah Sarjana Muda menunjukkan bilangan yang paling tinggi iaitu 210 orang pelajar dan pelajar Diploma seramai 75 orang pelajar.

**Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Kursus**

Kursus	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Diploma	75	26.3
Sarjana Muda	210	73.7
<b>Jumlah</b>	<b>285</b>	<b>100</b>

#### 4.4 Dapatan Kajian

Berdasarkan prosedur yang telah ditentukan untuk menganalisis data seperti yang telah dihuraikan dan ditetapkan, dapatan kajian yang dinyatakan dibawah adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab I.

##### 4.4.1 Dimensi Nilai Etos

Bahagian ini merupakan jawapan kepada persoalan kajian pertama iaitu “Apakah dimensi nilai etos yang terdapat pada pensyarah?”. Persoalan pertama adalah berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap dimensi nilai etos yang terdapat pada peribadi pensyarah yang pernah mengajar pelajar sepanjang pengajian pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM. Persoalan ini bertujuan untuk mengkaji dimensi nilai etos awal yang terdapat dalam kalangan pensyarah di UTHM (*initial ethos*). Nilai etos yang dikaji terdiri daripada 3 dimensi utama iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap

nilai etos ditunjukkan dalam bentuk jadual. mengikut dimensi nilai etos iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan.

#### 4.4.1.1 Nilai Etos Kandungan (Kepakaran)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi kepakaran merangkumi sembilan item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.6. Item-item yang terlibat adalah item **Bahagian I (Pembolehubah Kandungan)** bermula dari item 1 hingga item 3 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi kepakaran ditunjukkan dalam Jadual 4.6 berikut :

Jadual 4.6 : Nilai Etos Kandungan (Kepakaran)

No	Item	Skor					Min	Taha	
		STS	TS	KS	S	SS			
A1a	Adakah pensyarah... menguasai fakta-fakta asas?	F	2	3	35	202	43	3.99	Baik
	%	0.7	1.1	12.3	70.9	15.1			
A1b	mempersembahkan konsep utama subjek yang perlu difahami pelajar?	F	1	3	33	218	30	3.96	Baik
	%	0.4	1.1	11.6	76.5	10.5			
A1c	membuat huraian melebihi fakta asas dan konsep asas? (Terperinci dan relevan)	F	2	8	49	194	32	3.86	Baik
	%	0.7	2.8	17.2	68.1	11.2			
A2a	mempunyai reputasi yang terkenal dalam bidangnya?	F	0	7	59	190	29	3.85	Baik
	%	0	2.5	20.7	66.7	10.2			
A2b	mempunyai pengetahuan tertentu, pengalaman atau pengiktirafan yang melayakkan dirinya digelar pakar?	F	1	4	60	187	33	3.87	Baik
	%	0.4	1.4	21.1	65.6	11.6			

A2c	menyatakan kepakaran dalam bidang lain serta menyatakan beliau sangat berpengetahuan dalam bidang tersebut?	F	1	11	71	178	24	3.75	Baik
		%	0.4	3.9	24.9	62.5	8.4		
A3a	mempunyai pengetahuan umum yang sebaik kepakarannya?	F	0	3	46	200	36	3.94	Baik
		%	0	1.1	16.1	70.2	12.6		
A3b	mempunyai pengetahuan melebihi fakta di dalam buku teks?	F	1	4	62	186	32	3.86	Baik
		%	0.4	1.4	21.8	65.3	11.2		
A3c	mempersembahkan praktikal sebaik pengetahuan teoritikal yang berkaitan dengan subjek tertentu kepada pelajar?	F	4	4	71	172	34	3.80	Baik
		%	1.4	1.4	24.9	60.4	11.9		
<b>Purata Skor Min Kepakaran</b>								<b>3.87</b>	<b>Baik</b>

Jumlah Responden, (N) = 285

F – Kekerapan/Frekuensi

% - Peratusan

**Skala Likert:**

STS – Sangat Tidak Setuju

TS – Tidak Setuju

TP – Tidak Pasti

S - Setuju

SS – Sangat Setuju

Jadual 4.6 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi kepakaran. Dimensi kepakaran dalam nilai etos menekankan pengetahuan, autoriti dan kebijaksanaan peribadi pensyarah sebagai penyampai dari persepsi pelajar sebagai penerima dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan jadual tersebut, didapati nilai skor min bagi dimensi kepakaran pensyarah adalah pada tahap yang baik iaitu pada julat 3.75 hingga 3.99. Item A1a menunjukkan min yang paling tinggi iaitu 3.99 yang mewakili penguasaan fakta-fakta asas oleh pensyarah dalam proses pengajaran. Pelajar juga berpendapat pensyarah membantu pelajar memahami konsep utama yang perlu difahami oleh pelajar dengan terperinci dan relevan.



#### 4.4.1.2 Nilai Etos Kandungan (Pendirian Diri)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi pendirian diri merangkumi tujuh item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.7. Item-item yang terlibat adalah item **Bahagian II (Pembolehubah Kandungan)** bermula dari item 1 hingga item 2 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi pendirian diri ditunjukkan dalam Jadual 4.7 berikut :

Jadual 4.7 : Nilai Etos Kandungan (Pendirian Diri)

No	Item	Skor					Min	Tahap
		Adakah pensyarah...	STS	TS	KS	S		
B1a	mengikut kod perlakuan di dalam kelas yang boleh diterima pelajar?	F	0	4	43	192	3.98	Baik
		%	0	1.4	15.1	67.4		
B1b	menonjolkan perlakuan yang menarik minat pelajar di dalam kelas?	F	1	6	47	192	3.92	Baik
		%	0.4	2.1	16.5	67.4		
B1c	menyatakan dengan jelas prosedur yang perlu diikuti di dalam kelas?	F	2	3	43	197	3.95	Baik
		%	0.7	1.1	15.1	69.1		
B2a	membina soalan ujian seperti yang dijangkakan pelajar berdasarkan prosedur yang dinyatakan?	F	1	3	60	187	3.88	Baik
		%	0.4	1.1	21.1	65.6		
B2b	memberi gred berdasarkan kriteria yang telah dinyatakan?	F	1	4	55	189	3.89	Baik
		%	0.4	1.4	19.3	66.3		
B2c	mewujudkan objektif kursus yang bersesuaian dan tidak membebankan pelajar?	F	3	4	56	180	3.89	Baik
		%	1.1	1.4	19.6	63.2		
B2d	menyatakan bahawa beliau mahu melihat pelajarinya berjaya?	F	3	0	44	177	4.03	Baik
		%	1.1	0	15.4	62.1		
<b>Purata Skor Min Pendirian Diri</b>							<b>3.94</b>	<b>Baik</b>

Jumlah Responden, (N) = 285	F = Kekerapan/Frekuensi	% = Peratusan
<b>Skala Likert:</b>		
STS = Sangat Tidak Setuju	TS = Tidak Setuju	TP = Tidak Pasti
S = Setuju	SS = Sangat Setuju	

Jadual 4.7 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi pendirian diri. Dimensi pendirian diri dalam nilai etos melibatkan integriti dan keadilan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan jadual tersebut, didapati nilai skor min bagi dimensi pendirian diri pensyarah adalah pada tahap yang baik iaitu pada julat 3.88 hingga 4.03. Item B2d menunjukkan min yang paling tinggi iaitu 4.03 yang mewakili keinginan pensyarah melihat pelajarnya berjaya dalam pengajian yang diikuti di Fakulti Pendidikan Teknikal. Seramai 238 orang responden berpendapat pensyarah menyatakan hasratnya melihat pelajar berjaya di dalam kursus pengajian yang diambil pelajar.

#### 4.4.1.3 Nilai Etos Kandungan (Tujuan)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi pendirian diri merangkumi dua belas item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.8. Item-item yang terlibat adalah item **Bahagian III (Pembolehubah Kandungan)** bermula dari item 1 hingga item 3 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi pendirian diri ditunjukkan dalam Jadual 4.8 seperti berikut :

**Jadual 4.8 : Nilai Etos Kandungan (Tujuan)**

No	Item		Skor					Min	Tahap
			STS	TS	KS	S	SS		
C1a	menyatakan keseluruhan matlamat subjek dengan jelas?	F	2	3	62	192	26	3.83	Baik
		%	0.7	1.1	21.8	67.4	9.1		
C1b	menyatakan keinginan agar pelajar memahami apa yang telah diajar?	F	1	4	66	184	30	3.84	Baik
		%	0.4	1.4	23.2	64.6	10.5		
C1c	menyatakan keinginan agar pelajar berjaya dalam subjek yang diajar?	F	1	3	65	177	39	4.05	Baik
		%	0.4	1.1	22.8	62.1	13.6		
C2a	menyukai pelajar secara umum?	F	1	13	60	185	26	3.78	Baik
		%	0.4	4.6	21.1	64.9	9.1		
C2b	menyatakan perasaan beliau kepada pelajar?	F	4	18	101	142	20	3.55	Baik
		%	1.4	6.3	35.4	49.8	7.0		
C2c	mewujudkan perasaan terhadap seorang sahaja walaupun di dalam kelas yang besar?	F	8	39	90	130	18	3.39	Sederhana
		%	2.8	13.7	31.6	45.6	6.3		
C2d	mengekalkan kedudukan autoriti tetapi tetap menunjukkan kemesraan?	F	2	14	62	176	31	3.77	Baik
		%	0.7	4.9	21.8	61.8	10.9		
C3a	mempersembahkan subjek dengan bergaya? (pengucapan, gestur, intonasi, idea)	F	0	4	55	197	29	3.88	Baik
		%	0	1.4	19.3	69.1	10.2		
C3b	menggunakan intonasi yang terkawal dan menyenangkan?	F	0	6	56	190	33	3.88	Baik
		%	0	2.1	19.6	66.7	11.6		
C3c	mewujudkan persekitaran formal atau tidak formal?	F	1	5	59	186	34	3.87	Baik
		%	0.4	1.8	20.7	65.3	11.9		
C3d	berkongsi pendapat dan idea dengan pelajar?	F	2	3	44	189	47	3.97	Baik
		%	0.7	1.1	15.4	66.3	16.5		
C3e	merapatkan jurang perbezaan di antara pensyarah dan pelajar?	F	2	4	53	180	46	3.93	Baik
		%	0.7	1.4	18.6	63.2	16.1		
<b>Purata Skor Min Tujuan</b>							<b>3.81</b>	<b>Baik</b>	

Jumlah Responden, (N) = 285	F - Keperapan/Frekuensi	% - Peratusan
<b>Skala Likert:</b>		
STS - Sangat Tidak Setuju	TS - Tidak Setuju	TP - Tidak Pasti
S - Setuju	SS - Sangat Setuju	

Jadual 4.8 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi tujuan. Dimensi tujuan dalam nilai etos melibatkan matlamat, sikap dan pengenalan diri pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan jadual tersebut, didapati nilai skor min bagi dimensi tujuan pensyarah berada pada julat 3.39 hingga 4.03. Item C2c menunjukkan tahap sederhana iaitu 3.39 yang mewakili perasaan pensyarah terhadap seorang pelajar sahaja walaupun di dalam kelas yang besar. Ini menunjukkan bahawa pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal tidak menunjukkan perasaan yang menumpukan perhatian kepada seorang pelajar sahaja sebaliknya sama rata kepada semua pelajar yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Berdasarkan Jadual 4.8 juga, didapati item C1c menunjukkan nilai skor min yang tinggi iaitu 4.05 yang berada pada tahap yang baik. Item ini mewakili keinginan pensyarah agar pelajar berjaya dalam subjek yang diajar. Seramai 216 orang pelajar bersetuju mengatakan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal mahu pelajar-pelajar berjaya dalam subjek yang diikuti oleh pelajar.

Dapatan-dapatan dari Jadual 4.6 hingga Jadual 4.8 diringkaskan lagi agar memudahkan lagi pemahaman terhadap nilai etos pensyarah melalui dimensi-dimensi nilai etos yang terdiri daripada kepakaran, pendirian diri dan tujuan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jumlah min bagi ketiga-tiga dimensi nilai etos pensyarah dan tahapnya diringkaskan untuk memudahkan perbincangan. Jadual 4.9 menunjukkan dimensi nilai etos keseluruhan daripada aspek pembolehubah kandungan.

Jadual 4.9 : Dimensi Nilai Etos Keseluruhan (Pembolehubah Kandungan)

Bil	Dimensi Nilai Etos	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran min
1	Pengetahuan (A1a,A1b,A1c)	3.94	0.509	Baik
2	Autoriti (A2a,A2b,A2c)	3.82	0.529	Baik
3	Kebijaksanaan (A3a,A3b,A3c)	3.87	0.536	Baik
<b>Kepakaran</b>		<b>3.87</b>	<b>0.441</b>	<b>Baik</b>
4	Integriti (B1a,B1b,B1c)	3.95	0.533	Baik
5	Keadilan (B2a,B2b,B2c,B2d)	3.92	0.544	Baik
<b>Pendirian Diri</b>		<b>3.94</b>	<b>0.482</b>	<b>Baik</b>
6	Matlamat (C1a,C1b,C1c)	3.91	1.190	Baik
7	Sikap (C2a,C2b,C2c,C2d)	3.62	0.587	Baik
8	Pengenalan Diri (C3a,C3b,C3c,C3d,C3e)	3.90	0.523	Baik
<b>Tujuan</b>		<b>3.81</b>	<b>0.603</b>	<b>Baik</b>

Berdasarkan Jadual 4.9, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Fakulti Pendidikan Teknikal terhadap nilai etos pensyarah dari aspek kandungan atau nilai etos awal pensyarah (*initial ethos*) adalah baik. Ini menunjukkan pensyarah yang mengajar di Fakulti Pendidikan Teknikal di UTHM mempunyai ketiga-tiga dimensi yang terdapat dalam nilai etos iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dimensi pendirian diri menunjukkan tahap yang baik dan mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.9363. Ini bermakna pelajar berpendapat pensyarah mempunyai integriti dan keadilan yang baik. Dimensi kepakaran dan tujuan juga berada pada tahap yang baik di mana masing-masing mempunyai min 3.8741 dan 3.8107.

#### 4.4.2 Nilai Etos Pensyarah Melalui Komunikasi Pedagogi

Bahagian ini merupakan jawapan kepada persoalan kajian kedua iaitu “Sejauh manakah penguasaan nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran?”.

Persoalan kajian yang kedua bertujuan untuk melihat dimensi nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM berdasarkan persepsi pelajar yang telah mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan Teknikal. Persoalan kajian ini bertujuan untuk melihat dimensi nilai etos terbitan (*derived ethos*) yang terdiri daripada kepakaran, pendirian diri dan tujuan berdasarkan kepada komunikasi pedagogi seperti syarahan, perbincangan, pemarkahan, pemberian tugasan, penampilan, penggredan dan pengujian.

Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah ditunjukkan dalam bentuk jadual mengikut dimensi nilai etos iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan.

#### 4.4.2.1 Nilai Etos Persembahan (Kepakaran)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi kepakaran dari aspek komunikasi pedagogi merangkumi sebelas item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.10. Item-item yang terlibat adalah item **Bahagian I (Pembolehubah Persembahan)** bermula dari item 1 hingga item 4 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi kepakaran ditunjukkan dalam Jadual 4.10 seperti berikut :

Jadual 4.10 : Nilai Etos Persembahan (Kepakaran)

No	Item	Skor					Min	Tahap	
		STS	TS	KS	S	SS			
A4a	Adakah pensyarah... menggunakan kemahiran retorik tertentu seperti contoh. analogi, perincian, jenaka, huraian?	F	1	9	46	190	39	3.90	Baik
		%	0.4	3.2	16.1	66.7	13.7		
A4b	menyesuaikan subjek mengikut kesesuaian pelajar? (menggunakan laras bahasa yang sesuai, turutan logikal, jumlah maklumat, jelas untuk pemahaman pelajar)	F	2	6	47	197	33	3.89	Baik
		%	0.7	2.1	16.5	69.1	11.6		
A4c	mempunyai sikap bersemangat kepada subjek? (dibuktikan dengan intonasi, dinamik dan minat terhadap subjek)	F	0	7	63	174	41	3.87	Baik
		%	0	2.5	22.1	61.1	14.4		
A5a	menggunakan perbincangan sebagai kaedah untuk penyampaian?	F	2	5	64	170	44	3.87	Baik
		%	0.7	1.8	22.5	59.6	15.4		
A5b	memandu perbincangan supaya relevan terhadap topik yang disentuh?	F	1	6	53	186	39	3.90	Baik
		%	0.4	2.1	18.6	65.3	13.7		

A5c	menggunakan idea pelajar dengan efektif? (melukis analogi, menjelaskan berkaitan dengan subjek perbincangan jika pelajar lain tidak faham)	F	0	7	76	163	39	3.82	Baik
		%	0	2.5	26.7	57.2	13.7		
A6a	menulis komen tambahan di dalam tugas pelajar?	F	8	20	107	129	21	3.47	Baik
		%	2.8	7.0	37.5	45.3	7.4		
A6b	memperjelaskan kesilapan pelajar di dalam komen?	F	8	19	103	136	19	3.49	Baik
		%	2.8	6.7	36.1	47.7	6.7		
A6c	memberikan maklumat yang berguna untuk tugas akan datang?	F	6	10	77	164	28	3.69	Baik
		%	2.1	3.5	27.0	57.5	9.8		
A7a	menyatakan tujuan nota edaran? (hubungan dengan syarahan, ujian dan tugas)	F	1	9	61	188	26	3.80	Baik
		%	0.4	3.2	21.4	66.0	9.1		
A7b	mewujudkan daya penarik menerusi rekaan visual? ( ilustrasi, kartun, penyusunan luar biasa)	F	5	13	73	167	27	3.69	Baik
		%	1.8	4.6	25.6	58.6	9.5		
<b>Purata Skor Min Kepakaran</b>								<b>3.76</b>	<b>Baik</b>

Jumlah Responden, (N) = 285

F – Kekerapan/Frekuensi

% - Peratusan

**Skala Likert:**

STS - Sangat Tidak Setuju

TS - Tidak Setuju

TP – Tidak Pasti

S - Setuju

SS - Sangat Setuju

Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi kepakaran melalui komunikasi pedagogi. Dimensi kepakaran melalui komunikasi pedagogi dalam nilai etos melibatkan syarahan, perbincangan, pemarkahan dan nota edaran pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan Jadual 4.10, didapati nilai skor min bagi dimensi kepakaran melalui komunikasi pedagogi pensyarah adalah pada tahap yang baik iaitu pada julat



3.47 hingga 3.90. Item A4a dan item A5b menunjukkan min yang tinggi iaitu masing-masing mempunyai min 3.90. Item A4a yang mewakili penggunaan kemahiran retorik tertentu seperti contoh, analogi, perincian, jenaka, huraian dalam syarahan pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas manakala item A5b mewakili pensyarah memimpin perbincangan supaya relevan terhadap topik yang diajarkan.

Berdasarkan Jadual 4.10 seramai 229 pelajar berpendapat pensyarah menggunakan kemahiran retorik tertentu seperti contoh, analogi, perincian, jenaka dan huraian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek perbincangan pula, seramai 225 responden mengatakan pensyarah memimpin perbincangan perbincangan supaya relevan terhadap topik yang diajarkan di dalam kelas. Item A6a mempunyai nilai min yang rendah dalam julat 3.47 hingga 3.90 dalam dimensi kepakaran melalui komunikasi pedagogi pensyarah. Item ini mempunyai min 3.47 yang menghampiri min 3.40 iaitu tahap sederhana. Item ini mewakili komen tambahan yang ditulis pensyarah di dalam tugas pelajar. Ini menunjukkan bilangan pensyarah yang menulis komen tambahan dalam tugas dan yang tidak menulis komen tambahan dalam tugas pelajar adalah hampir sama.

#### 4.4.2.2 Nilai Etos Persembahan (Pendirian Diri)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi pendirian diri dari aspek komunikasi pedagogi merangkumi sebelas item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.11. Item-item yang terlibat adalah item **Bahagian II (Pembolehubah Persembahan)** bermula dari item 1 hingga item 4 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi pendirian diri ditunjukkan dalam Jadual 4.11 seperti berikut :

Jadual 4.11 : Nilai Etos Persembahan (Pendirian Diri)

No	Item	Skor					Min	Tahap	
		STS	TS	KS	S	SS			
B3a	mewujudkan intonasi yang bersesuaian untuk perbincangan? (ucap selamat sebagai penghargaan kepada penglibatan para pelajar)	F	1	0	41	203	40	3.99	Baik
		%	0.4	0	14.4	71.2	14		
B3b	menghormati pengetahuan dan minat pelajar?	F	2	4	49	184	46	3.94	Baik
		%	0.7	1.4	17.2	64.6	16.1		
B3c	mengajak pelajar untuk berinteraksi di dalam topik perbincangan?	F	3	1	43	177	61	4.02	Baik
		%	1.1	0.4	15.1	62.1	21.4		
B4a	memberikan tugas yang bersesuaian dengan kerumitan, jangka masa, dan panjang tugas?	F	1	10	57	185	32	3.83	Baik
		%	0.4	3.5	20.0	64.9	11.2		
B4b	menyatakan hubungan di antara tugas dan kuliah serta perbincangan?	F	1	9	61	179	35	3.84	Baik
		%	0.4	3.2	21.4	62.8	12.3		
B4c	menerangkan bagaimana tugas dapat membantu pelajar menguasai subjek?	F	2	9	63	172	39	3.83	Baik
		%	0.7	3.2	22.1	60.4	13.7		
B4d	menjelaskan perkaitan tugas dan objektif yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran?	F	2	9	51	192	31	3.85	Baik
		%	0.7	3.2	17.9	67.4	10.9		
B5a	memakai pakaian yang bersesuaian dengan profesion?	F	1	1	16	159	108	4.31	Sangat Baik
		%	0.4	0.4	5.6	55.8	37.9		
B5b	memberi perhatian terhadap penampilan dirinya?	F	1	0	15	164	105	4.31	Sangat Baik
		%	0.4	0	5.3	57.5	36.8		
B6a	menulis komen yang memuji pada jawapan yang betul?	F	3	23	120	114	25	3.47	Baik
		%	1.1	8.1	42.1	40.0	8.8		
B6b	menulis komen yang menyokong penilaian keseluruhan terhadap kerja pelajar dalam tugas tertentu?	F	4	23	108	124	26	3.51	Baik
		%	1.4	8.1	37.9	43.5	9.1		
<b>Purata Skor Min Pendirian Diri</b>							<b>3.90</b>	<b>Baik</b>	

Jumlah Responden, (N) = 285	F - Kekerapan/Frekuensi	% - Peratusan
<u>Skala Likert:</u>		
STS - Sangat Tidak Setuju	TS - Tidak Setuju	TP - Tidak Pasti
S - Setuju	SS - Sangat Setuju	

Jadual 4.11 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi pendirian diri melalui komunikasi pedagogi. Dimensi pendirian diri melalui komunikasi pedagogi dalam nilai etos melibatkan perbincangan, pemberian tugas, penampilan dan pemarkahan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan Jadual 4.11, didapati nilai skor min bagi dimensi pendirian diri melalui komunikasi pedagogi pensyarah adalah pada julat 3.47 hingga 4.31. Item B5a dan item B5b masing-masing mempunyai min 4.03 menunjukkan tahap yang sangat baik. Item B5a yang mewakili pemakaian pakaian yang bersesuaian dengan profesion manakala item B5b pula mewakili perhatian pensyarah terhadap penampilan dirinya. Sebanyak 94.4% responden mendapati pensyarah mengamalkan pemakaian yang baik sesuai dengan profesion keguruan dan sebanyak 83.7% responden mendapati pensyarah menjaga penampilan agar menjadi contoh kepada pelajar yang akan memasuki profesion perguruan selepas menamatkan pengajian di Fakulti Pendidikan Teknikal di UTHM.

Berdasarkan Jadual 4.11 juga, didapati nilai min item B6a mempunyai nilai min yang rendah dalam julat 3.47 hingga 4.31 dalam dimensi pendiriandiri melalui komunikasi pedagogi pensyarah. Item ini mempunyai min 3.47 dan menghampiri min 3.40 iaitu tahap sederhana. Item ini mewakili menulis komen yang memuji pada jawapan yang betul.

#### 4.4.2.3 Nilai Etos Persembahan (Tujuan)

Nilai etos pensyarah berdasarkan dimensi tujuan dari aspek komunikasi pedagogi merangkumi sepuluh item seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.12. Item-item yang terlibat adalah item Bahagian III (Pembolehkan Persembahan) bermula dari item 1 hingga item 3 di dalam borang soal selidik. Taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos dari dimensi tujuan ditunjukkan dalam Jadual 4.12 seperti berikut :

Jadual 4.12 : Nilai Etos Persembahan (Tujuan)

No	Item		Skor					Min	Tahap
			Adakah pensyarah...	STS	TS	KS	S		
C4a	mewujudkan persekitaran intelektual yang kondusif untuk pertukaran idea?	F	1	0	43	207	34	3.96	Baik
		%	0.4	0	15.1	72.6	11.9		
C4b	memulakan kelas dengan ucapan yang mesra?	F	1	4	34	205	41	3.99	Baik
		%	0.4	1.4	11.9	71.9	14.4		
C4c	mengadakan perbualan ringkas untuk keselesaan pelajar?	F	1	3	44	193	44	3.97	Baik
		%	0.4	1.1	15.4	67.7	15.4		
C4d	menguruskan masa dengan baik? (tidak membuang masa)	F	1	5	47	191	41	3.93	Baik
		%	0.4	1.8	16.5	67.0	14.4		
C4e	mewujudkan minat pelajar terhadap pelajaran yang diajar?	F	1	3	54	190	37	3.91	Baik
		%	0.4	1.1	18.9	66.7	13.0		
C5a	menerangkan cara penggredan di awal semester?	F	1	5	33	200	46	4.00	Baik
		%	0.4	1.8	11.6	70.2	16.1		
C5b	memperjelaskan kriteria penggredan untuk setiap tugas?	F	1	3	46	191	44	3.96	Baik
		%	0.4	1.1	16.1	67.0	15.4		
C5c	membuat keputusan adil dalam perkara yang memberi kesan yang serius ka atas perjalanan akademik pelajar?	F	1	9	43	199	33	3.89	Baik
		%	0.4	3.2	15.1	69.8	11.6		

C6a	merekabentuk ujian dengan visual yang efektif? (ruang yang cukup, cetakan yang jelas, dakwat hitam, kertas putih)	F	1	6	47	201	30	3.89	Baik
		%	0.4	2.1	16.5	70.5	10.5		
C6b	menjelaskan bagaimana membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan akhir?	F	1	4	48	199	33	3.91	Baik
		%	0.4	1.4	16.8	69.8	11.6		
<b>Purata Skor Min Tujuan</b>								<b>3.93</b>	<b>Baik</b>

Jumlah Responden, (N) = 285      F - Kekerapan/Frekuensi      % - Peratusan

**Skala Likert:**

STS - Sangat Tidak Setuju      TS - Tidak Setuju      TP - Tidak Pasti

S - Setuju      SS - Sangat Setuju

Jadual 4.12 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min item dan tahap nilai etos pensyarah dari dimensi tujuan melalui komunikasi pedagogi. Dimensi tujuan melalui komunikasi pedagogi dalam nilai etos melibatkan perbincangan, penggredan dan pengujian pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan Jadual 4.12 juga, didapati item C5c dan item C6a mempunyai nilai min 3.89 dalam julat baik bagi dimensi tujuan melalui komunikasi pedagogi pensyarah. Item ini mewakili pensyarah membuat keputusan adil dalam perkara yang memberi kesan yang serius ka atas perjalanan akademik pelajar dan merekabentuk ujian dengan visual yang efektif dengan ruang yang cukup, cetakan yang jelas, dakwat hitam dan menggunakan kertas putih. Ini menunjukkan dari aspek penggredan dan pengujian pensyarah mengikuti proses penilaian dan pentaksiran yang baik berdasarkan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Dapatan-dapatan dari Jadual 4.10 hingga Jadual 4.12 dapat diringkaskan lagi bagi memudahkan lagi pemahaman terhadap nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi berdasarkan dimensi-dimensi nilai etos yang terdiri daripada kepakaran, pendirian diri dan tujuan pensyarah dalam proses pengajaran dan

pembelajaran. Jumlah min bagi ketiga-tiga dimensi nilai etos pensyarah dan tahapnya diringkaskan untuk memudahkan perbincangan. Jadual 4.13 menunjukkan dimensi nilai etos keseluruhan daripada aspek pembolehubah persembahan.

**Jadual 4.13 : Dimensi Nilai Etos Keseluruhan (Pembolehubah Persembahan)**

Bil	Dimensi Nilai Etos	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran min
1	Syarah (A4a,A4b,A4c)	3.89	0.566	Baik
2	Perbincangan(A) (A5a,A5b,A5c)	3.86	0.581	Baik
3	Pemarkahan(A) (A6a,A6b,A6c)	3.55	0.730	Baik
4	Nota Edaran (A7a,A7b)	3.75	0.641	Baik
<b>Kepakaran</b>		<b>3.76</b>	<b>0.515</b>	<b>Baik</b>
5	Perbincangan(B) (B3a,B3b,B3c)	3.98	0.565	Baik
6	Pemberian Tugas (B4a,B4b,B4c,B4d)	3.84	0.588	Baik
7	Penampilan (B5a,B5b)	4.31	0.587	Sangat Baik
8	Pemarkahan (B6a,B6b)	3.49	0.791	Baik
<b>Pendirian Diri</b>		<b>3.90</b>	<b>0.467</b>	<b>Baik</b>
6	Perbincangan(C) (C4a,C4b,C4c,C4d,C4e)	3.95	0.505	Baik
7	Penggredan (C5a,C5b,C5c)	3.95	0.552	Baik
8	Pengujian (C6a,C6b)	3.90	0.537	Baik
<b>Tujuan</b>		<b>3.93</b>	<b>0.448</b>	<b>Baik</b>

Berdasarkan Jadual 4.13, didapati nilai etos melalui komunikasi pedagogi pensyarah secara keseluruhannya adalah baik. Dimensi tujuan melalui komunikasi pedagogi menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 3.9333 diikuti dimensi pendirian diri dan dimensi kepakaran masing-masing dengan min 3.9040 dan 3.7633. Ini menunjukkan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal mengamalkan syarahan, perbincangan, nota edaran, pemarkahan, pemberian tugas, penggredan dan pengujian mengikut prosedur penilaian dan pentaksiran pembelajaran yang baik bagi memenuhi jaminan kualiti universiti. Selain itu, dari aspek penampilan menerusi dimensi pendirian diri dalam nilai etos, pensyarah mempunyai tahap yang sangat baik dan menampilkan profesionalisme dalam profesion perguruan.

Daripada persoalan kajian pertama dan persoalan kajian kedua, nilai etos keseluruhan bagi pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM dari persepsi pelajar-pelajar yang terdiri daripada Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Nilai etos keseluruhan dari segi kandungan dan persembahan pensyarah ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

**Jadual 4.14 : Nilai Etos Keseluruhan (Persembahan dan Kandungan)**

Nilai Etos	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Nilai Etos Kandungan	3.87	0.424	Baik
Nilai Etos Persembahan	3.86	0.415	Baik
<b>Nilai Etos Keseluruhan</b>	<b>3.87</b>	<b>0.401</b>	<b>Baik</b>

Daripada Jadual 4.14, nilai keseluruhan min etos pensyarah dari segi kadungan yang terdiri dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan adalah 3.8737 dan nilai keseluruhan min etos pensyarah dari segi persembahan yang terdiri daripada dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan adalah 3.8669. Oleh yang demikian, nilai min keseluruhan bagi nilai etos pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal di UTIM adalah 3.8703. Ini menunjukkan nilai etos yang baik dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dari persepsi pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi umur dan pengalaman dalam bidang pendidikan.

#### 4.4.3 Hubungan Nilai Etos Dengan Pembelajaran Pelajar

“Adakah wujud hubungan di antara nilai etos dengan proses pembelajaran pelajar?”.

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu hubungan antara nilai etos guru dengan pembelajaran pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTIM. Persoalan kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan nilai etos pensyarah terhadap pembelajaran pelajar yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Fakulti Pendidikan Teknikal.



Jadual 4.14 : Pembelajaran Pelajar

No	Item	Skor					Min	Tabap	
		STS	TS	KS	S	SS			
Da	Saya lebih bemosivasi untuk belajar apabila... pensyarah memperkenalkan bahan rujukan yang digunakan untuk menghasilkan material pembelajaran kelas	F	1	2	17	210	55	4.11	Baik
		%	0.4	0.7	6.0	73.7	19.3		
Db	pensyarah menjelaskan kebaikan sesuatu analisis, perdebatan dan pembuktian yang membantu mengukuhkan kepercayaan di antara guru dan pelajar.	F	1	0	24	220	40	4.05	Baik
		%	0.4	0	8.4	77.2	14.0		
Dc	pensyarah menyampaikan maklumat yang bebas daripada kesilapan (cth: tatabahasa, sebutan) dalam masa yang sama mengekalkan kontak mata dengan pelajar.	F	1	3	34	205	42	4.00	Baik
		%	0.4	0.7	12.6	65.6	20.7		
Dd	pensyarah menggunakan pengalaman peribadi yang relevan untuk pelajar lebih memahami subjek.	F	1	2	36	187	59	4.06	Baik
		%	0.4	0.7	12.6	65.6	20.7		
De	mempelbagaikan pergerakan fizikal (cth: gestur, riak muka) untuk menyampaikan maklumat dan menghindari gaya komunikasi yang mendatar.	F	1	3	39	183	59	4.04	Baik
		%	0.4	1.1	13.7	64.2	20.7		
Df	mempelbagaikan nada suara (cth: kenyaringan, intonasi) terhadap penyampaian.	F	1	3	45	179	57	4.01	Baik
		%	0.4	1.1	15.8	62.8	20.0		
Dg	menggunakan pelbagai bukti, cerita, bantuan visual, program komputer dalam pengajaran untuk menambahkan minat terhadap maklumat yang disampaikan.	F	1	5	33	182	64	4.06	Baik
		%	0.4	1.8	11.6	63.9	22.5		
<b>Purata Skor Min Tujuan</b>							<b>4.04</b>	<b>Baik</b>	

Berdasarkan Jadual 4.14, nilai keseluruhan min etos terhadap pembelajaran pelajar adalah 4.04 dan nilai min etos yang paling tinggi terhadap pembelajaran pelajar pensyarah adalah 4.11 yang diwakili oleh item Da. Item ini mewakili pelajar lebih bermotivasi apabila pensyarah memperkenalkan bahan rujukan yang digunakan untuk menghasilkan material pembelajaran kelas. Seramai 265 mewakili 93% daripada keseluruhan responden bermotivasi untuk belajar apabila pensyarah memperkenalkan bahan rujukan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah di dalam kelas. Ini menunjukkan bahawa apabila pensyarah memperkenalkan bahan rujukan yang digunakan untuk menghasilkan material pembelajaran kelas, pelajar lebih mudah untuk memahami subjek yang diajarkan oleh pensyarah di dalam kelas.

Hubungan diperolehi dengan mencari korelasi antara personaliti guru dengan motivasi belajar pelajar. Nilai etos diperolehi daripada **Bahagian I** dan **Bahagian II** dan **Bahagian III** soal selidik dan pembelajaran pelajar diperolehi daripada **Bahagian IV** soal selidik. Berdasarkan ujian statistik ke atas dua pembolehubah ini, keputusan yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

**Jadual 4.15 : Nilai Pekali Korelasi**

<b>Hubungan</b>	<b>Korelasi</b>
Nilai Etos dengan Pembelajaran	0.572

Daripada Jadual 4.15, secara keseluruhannya, pekali korelasi yang diperolehi ialah 0.572. Mengikut tafsiran nilai pekali korelasi, nilai yang diperolehi menunjukkan hubungan adalah sederhana. Ini bermaksud, hubungan antara nilai etos dengan pembelajaran pelajar adalah sederhana.

#### 4.5 Rumusan Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar terhadap nilai etos pensyarah sama ada dari aspek kandungan mahupun persembahan pensyarah yang mengajar pelajar disepanjang pengajian pelajar di UTHM adalah baik. Namun begitu terdapat beberapa responden menyatakan bahawa pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM, tidak mesra dengan pelajar dan segelintir pensyarah yang kurang berinteraksi dengan pelajar. Selain itu, responden juga menyatakan pensyarah perlu lebih memahami anak muridnya melalui item terbuka yang disediakan di dalam borang soal selidik.

Selain daripada itu, responden juga menyatakan pensyarah yang baik menghormati pelajar dan pelajar juga menghormati gurunya. Responden juga menyatakan pensyarah, kaedah penyampaian dan bahan semasa pengajaran dan pembelajaran sangat mempengaruhi minat dan kesungguhan pelajar terhadap subjek tersebut. Di samping itu juga, menurut responden lagi, pensyarah harus memainkan peranan yang penting untuk menarik perhatian pelajar melalui sesi pembelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan ini juga menunjukkan bahawa nilai etos keseluruhan pensyarah yang terdiri daripada nilai etos dari segi kandungan mahupun persembahan mempunyai hubungan yang sederhana dengan proses pembelajaran pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal di UTHM yang terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan, Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelajar Program Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

## BAB V

### PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini memfokuskan kepada perbincangan, kesimpulan dan cadangan daripada hasil analisis data kajian seperti yang telah dilaporkan di dalam Bab IV. Perbincangan adalah berkisar kepada persoalan kajian yang ingin dijawab berdasarkan hasil dapatan yang telah dianalisis. Bahagian kesimpulan pula akan merumuskan keseluruhan kajian yang telah dijalankan iaitu sejauh mana persoalan kajian terjawab bagi mencapai objektif kajian ini. Cadangan pula akan diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pihak bakal pendidik, guru dan pihak kementerian berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan. Selain itu, cadangan juga diberikan kepada pengkaji-pengkaji akan datang.

## 5.2 Perbincangan

Pada bahagian ini, perbincangan adalah berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi dalam Bab IV. Perbincangan yang dilakukan berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab I iaitu:

- i. Apakah dimensi nilai etos yang terdapat pada pensyarah?
- ii. Sejauh manakah penguasaan nilai etos pensyarah melalui komunikasi pedagogi dalam proses pengajaran?
- iii. Adakah wujud hubungan di antara nilai etos dengan proses pembelajaran pelajar?

### 5.2.1 Dimensi Nilai Etos Pensyarah

Objektif dan persoalan kajian yang pertama adalah untuk menentukan dimensi nilai etos yang terdapat pada pensyarah. Persoalan kajian ini merujuk kepada persepsi awal pelajar terhadap nilai etos pensyarah berdasarkan peribadi (kandungan) pensyarah yang mengajar pelajar. Dimensi nilai etos yang digunakan dalam kajian ini adalah diadaptasi dan diubahsuai dari instrumen Bovey (1981). Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap nilai etos berdasarkan dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM adalah baik.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, peranan guru atau pensyarah sangatlah penting dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Guru sebagai seorang penyampai dalam proses pengajaran sentiasa dinilai oleh pelajar sama ada sedar mahupun tidak. Ini dinyatakan oleh Bovey (1981) dalam kajiannya di mana dalam menilai nilai etos seseorang penyampai sama ada tinggi mahupun rendah, pendengar yang berhak menentukannya. Dalam konteks pendidikan, nilai etos guru dinilai oleh pendengar yang terdiri daripada pelajar-pelajar. Haskins (2000) pula menyatakan bahawa guru sentiasa dinilai dan diuji berkenaan tahap pengetahuan ke atas pelbagai subjek oleh pelajar.

Selain itu, persepsi pelajar terhadap peribadi guru atau karakter guru sebagai penyampai akan memberi kesan bagaimana pelajar memberi maklumbalas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disokong oleh Haskins (2000) yang menyatakan persepsi pelajar mempunyai impak yang penting tentang bagaimana pelajar akan bertindak terhadap guru dan efektifnya guru di dalam kelas. McCroskey (2006) pula menyatakan bahawa latar belakang dan ciri peribadi penyampai mempunyai kesan yang signifikan terhadap darjah perubahan sikap yang dihasilkan oleh mesej yang disampaikan oleh penyampai.

Dapatan kajian keseluruhannya mendapati bahawa pensyarah mempunyai dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pelajar. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh McCroskey (2006), Haskins (2000), Bovey (1981), Hansen (2002), yang menyatakan dalam menjadi penyampai yang baik, seseorang penyampai perlulah menguasai ketiga-tiga dimensi etos yang terdiri daripada kepakaran, pendirian diri dan tujuan.

Dapatan kajian dari aspek kepakaran menunjukkan pensyarah menguasai fakta-fakta asas dalam proses pengajarannya. Guru juga menunjukkan persembahan yang baik dari segi konsep, huraian dan fakta dalam proses pengajaran. Kesemua

aspek ini adalah penting bagi seseorang guru untuk mempersembahkan kepakarannya di dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar. Penguasaan pensyarah dalam semua aspek ini dapat mengukuhkan keyakinan pelajar terhadap kepakarannya dan secara tidak langsung menggalakkan proses kognitif pelajar. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan Bovey (1981) yang mengatakan guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, jika guru dilihat sebagai pakar oleh pelajar, guru bebas untuk menumpukan perhatian terhadap kandungan kerana hubungan persepsi pelajar terhadap guru adalah tinggi. Menurut beliau lagi, persepsi pelajar yang melihat guru sebagai pakar, berpotensi memberi kelebihan kepada guru untuk menarik perhatian dan penglibatan pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung dapat mempertingkatkan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, Haskins (2000) juga menyatakan guru perlu menonjolkan penguasaan yang cemerlang berkaitan dengan subjek yang diajarkan dalam usaha menarik minat pelajar di dalam subjek yang diajarkan.

Dapatan kajian dari aspek pendirian diri, menunjukkan pensyarah menyatakan hasratnya ingin melihat pelajar berjaya di dalam kursus pengajian yang diambil kepada pelajarannya. Selain itu, pensyarah juga mengamalkan kod perlakuan yang baik, menyatakan prosedur yang jelas dan objektif yang tidak membebankan pelajar di dalam kelas. Hal ini mewujudkan hubungan yang rapat di antara pensyarah dan pelajar kerana pelajar merasa pensyarah mengambil berat terhadap urusan pembelajaran, perkembangan pengetahuan pelajar dan penguasaan pelajar dalam proses pembelajaran. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rekha (2003) yang menyatakan perhubungan erat diantara pelajar dan guru berkait rapat dengan pembangunan nilai afektif terhadap subjek yang diajar dan kelakuan pelajar di dalam kelas. Menurut kajiannya lagi, guru yang meningkatkan hubungan erat di antara guru dan pelajar akan meningkatkan hasil pembelajaran kognitif dan afektif dalam kalangan pelajar.

Dari aspek tujuan pula, dapatan kajian mendapati pensyarah tidak menunjukkan perasaan yang menumpukan perhatian kepada seorang pelajar sahaja.

Sebaliknya, perhatian yang sama rata diberikan kepada semua pelajar yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dalam hal ini ia merujuk kepada personaliti adil pensyarah di dalam kelas. Dapatan kajian ini bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Norizan dan Asma (2000) serta Haslett (1956) mendapati personaliti adil guru merupakan aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar berhak untuk menerima pengajaran dari guru tanpa dibeza-bezakan. Guru juga perlu memberi layanan yang sama kepada pelajar. Oleh itu, layanan yang sama akan membuatkan pelajar merasa dirinya diterima oleh pensyarah dan seterusnya mewujudkan persepsi yang positif terhadap mata pelajaran yang diikutinya.

Secara keseluruhannya dapatan kajian mendapati pensyarah mempunyai dimensi pendirian diri yang paling tinggi jika dibandingkan dengan dimensi kepakaran dan tujuan dalam kelompok nilai etos berdasarkan kandungan. Dimensi pendirian diri yang lebih menonjolkan karakter seseorang telah menunjukkan bahawa pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM mengamalkan kod perlakuan yang menarik minat pelajar dan mempunyai prosedur yang jelas. Selain itu, dari aspek keadilan, pensyarah juga membina soalan ujian seperti yang dijangkakan pelajar berdasarkan prosedur yang dinyatakan dan memberi gred berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pensyarah. Disamping itu juga, pensyarah menyatakan bahawa keinginannya untuk melihat pelajar berjaya dimana setiap pendidik mempunyai harapan mahu melihat anak didiknya berjaya dalam bidang yang diceburi.

### 5.2.2 Dimensi Nilai Etos Pensyarah Melalui Komunikasi Pedagogi

Bagi dimensi nilai etos melalui komunikasi pedagogi, dapat dirumuskan bahawa nilai etos pensyarah menunjukkan tahap yang baik sama ada daripada dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan. Kenyataan ini adalah berdasarkan



kepada hasil analisis yang telah dilakukan pada Bab IV dengan merujuk Jadual 4.13. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Haskins (2000) yang menyatakan dimensi etos seseorang guru boleh dipertingkatkan dengan menguasai komunikasi pedagogi.

Dari aspek kepakaran, dapatan kajian menunjukkan pensyarah menggunakan kemahiran retorik tertentu seperti contoh, analogi, perincian, jenaka, huraian dalam syarahan pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh McCroskey (1969) yang menyatakan penggunaan analogi membantu memberi pengertian sesuatu mesej dengan lebih jelas. Selain itu, dengan memasukkan pembuktian yang baik dalam penyampaian, ia memberi kesan secara langsung keatas perubahan sikap pendengar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kredibiliti seseorang penyampai (Haskins, 2000). Di samping itu juga, Bovey (1981) menyatakan cara penyampaian juga memainkan peranan yang seperti juga kandungan dalam proses menyampaikan idea atau maklumat.

Dari aspek pendirian diri dan tujuan, dapatan kajian mendapati pensyarah mengamalkan etika yang baik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan Young, S., & Shaw, D. G. (1999). Kajian ini mendapati perlakuan dan penampilan yang baik mampu memberi kesan terhadap pembelajaran di dalam kelas terutamanya terhadap pembelajaran pelajar.

Daripada aspek persembahan pensyarah melalui komunikasi pedagogi secara keseluruhannya, pensyarah menunjukkan komunikasi pedagogi yang baik terutamanya dari dimensi tujuan berbanding dimensi kepakaran dan pendirian diri. Pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal mempamerkan tujuan yang baik melalui komunikasi pedagogi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pensyarah menonjolkan tujuan yang baik terhadap pelajar di mana pensyarah mewujudkan persekitaran intelektual yang menggalakkan untuk pertukaran idea dan mewujudkan minat pelajar di dalam subjek yang diajarkan. Disamping itu juga,

pensyarah melaksanakan kriteria penggredan yang baik seta merekabentuk ujian dengan efektif berdasarkan proses penilaian dan pentaksiran yang digariskan oleh pihak universiti.

### 5.2.3 Hubungan Antara Dimensi Nilai Etos dengan Pembelajaran Pelajar

Daripada dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang wujud antara nilai etos pensyarah dan pembelajaran pelajar. Ini bermaksud nilai etos pensyarah dapat memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Hal ini terbukti dengan hasil analisis korelasi *Pearson* pada Jadual 4.15 yang menunjukkan terdapatnya hubungan tersebut. Dapatan ini selari dengan penulisan Haskins (2000) dan McCroskey (2006) bahawa nilai etos pensyarah mampu memberi kesan terhadap perubahan sikap pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Nilai etos yang terdiri daripada dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan seperti yang dinyatakan oleh Bovey (1981), Haskins (2000) dan Eisend (2006) mempunyai pengaruh yang besar terhadap maklum balas yang akan ditunjukkan oleh pendengar. Dalam konteks pendidikan, nilai etos guru bukan sahaja dapat menarik perhatian pelajar untuk mendengar penyampaian guru tetapi apa yang lebih penting adalah untuk meningkatkan hasil pembelajaran kognitif dan afektif dalam kalangan pelajar (Rekha, 2003). Manakala Love (2001) menyatakan guru bukan sahaja perlu efektif dalam mempersembahkan material, tetapi menggalak dan memotivasikan pelajar untuk belajar.

Dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkualiti, nilai etos yang dipamerkan oleh pensyarah sama ada dari segi keperibadian dan aspek penyampaian dapat membantu membina motivasi pelajar untuk belajar. Aspek motivasi merupakan aspek yang penting bagi menggalakkan

proses percambahan idea dan penerapan ilmu yang mampu memberi kesan sama ada kognitif, afektif mahupun psikomotor. Pengaruh nilai etos yang ditonjolkan oleh pensyarah sama ada dengan menyediakan suasana dan iklim yang sesuai melalui personalitinya mahupun persembahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dapat mewujudkan rangsangan kepada pelajar. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, proses interaksi dan komunikasi yang harmonis akan mewujudkan perasaan hormat menghormati, keselesaan dan keseronokan kepada pelajar dalam belajar. Keseronokan dalam belajar itu akhirnya akan membuatkan pelajar berasa seronok dengan mata pelajaran yang diikutinya. Dengan kewujudan suasana seperti inilah akhirnya akan mewujudkan motivasi belajar kepada pelajar.

### 5.3 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga objektif utama seperti yang dinyatakan dalam Bab I berpandukan kepada tiga persoalan yang telah diutarakan. Berdasarkan daripada hasil dari analisis yang telah dilakukan, persoalan-persoalan kajian tersebut telah berjaya dijawab. Dapatan kajian menunjukkan nilai etos pensyarah di UTHM adalah baik dari segi ketiga-tiga dimensi nilai etos yang dinyatakan iaitu kepakaran, pendirian diri dan tujuan. Persepsi pelajar terhadap nilai etos pensyarah sama ada dari aspek kandungan mahupun persembahan juga adalah baik.

Dapatan kajian ini dapat menunjukkan bahawa nilai etos merupakan satu perkara yang penting dalam membantu pensyarah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain itu juga, nilai etos juga dapat membantu untuk memotivasikan pelajar agar memperolehi kejayaan dalam akademik dan seterusnya dalam kehidupan. Walaupun, dapatan

kajian ini tidak dapat mewakili keseluruhan pensyarah secara khususnya namun konsep nilai etos pensyarah pada umumnya dapat ditunjukkan di dalam kajian ini. Justeru itu, adalah penting bagi seseorang pendidik untuk menguasai nilai etos yang baik berdasarkan dimensi kepakaran, pendirian diri dan tujuan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat menggarap ilmu pengetahuan dan melahirkan insan yang berketerampilan seperti yang dinyatakan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hubungan yang terdapat di antara nilai etos dengan pembelajaran pelajar dapat dijadikan indikator bahawa nilai etos merupakan perkara penting yang perlu diambil kira oleh pendidik dalam usaha menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

#### 5.4 Cadangan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan, beberapa cadangan dan saranan dikemukakan oleh pengkaji untuk diberi pertimbangan. Cadangan ini diharapkan akan dapat memberi refleksi dan kesedaran kepada pihak yang terlibat bagi mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran. Melihat kepada impak nilai etos yang ditunjukkan oleh pensyarah kepada pelajar, pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia seharusnya mempertimbangkan aspek ini dengan sewajarnya. Kursus-kursus untuk melahirkan pendidik tidak hanya tertumpu kepada penguasaan ilmu mata pelajaran yang bakal diajar dan kaedah dalam pengajarannya semata-mata, tetapi pembangunan dari aspek nilai etos juga perlulah dititikberatkan.

Persepsi pelajar terhadap nilai etos yang ditunjukkan oleh pensyarah adalah baik serta positif terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada dari aspek kandungan mahupun persembahan. Oleh itu, diharapkan pensyarah dapat mengekalkan personaliti tersebut bagi meningkatkan lagi mutu dalam pengajarannya. Kekurangan yang didapati seperti tidak mesra dengan pelajar dan

kurang berinteraksi dengan pelajar haruslah diperbaiki lagi supaya pelajar akan berasa seronok untuk belajar seterusnya meningkatkan motivasinya ke tahap yang lebih tinggi. Bakal-bakal guru memerlukan persediaan yang rapi sebelum melibatkan diri dalam proses pengajaran di sekolah nanti. Oleh kerana nilai etos adalah sama penting dengan ilmu dan kaedah penyampaian, maka bakal guru perlulah juga memperbaiki nilai etos mereka ke arah yang lebih positif.

Impak nilai etos pensyarah kepada pelajar ini harus diberi perhatian agar masalah-masalah yang tidak diingini dapat dikurangkan seterusnya dihapuskan. Dengan demikian bukan sahaja suasana pembelajaran menjadi seronok dan lebih bermakna, malahan juga impian dan hasrat negara untuk melahirkan bangsa Malaysia akan menjadi lebih mudah dan menjadi realiti.

### 5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjut

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mencadangkan beberapa kajian yang boleh dijalankan serta diperkembangkan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Cadangan yang diberikan adalah seperti berikut :

- i. Di dalam mengkaji kemahiran retorik di dalam pengajaran, selain daripada etos yang lebih kepada karakter, terdapat lagi dua lagi kemahiran yang boleh dikaji iaitu penampilan menerusi penghujahan (logos) dan penampilan menerusi emosi (pathos). Oleh itu, kajian boleh dilakukan untuk mengkaji kemahiran retorik yang telah dinyatakan.

- ii. Pengkaji akan datang disarankan untuk menjalankan kajian seperti ini dengan mengambil pelajar-pelajar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi seperti di Kolej Komuniti dan Politeknik.
- iii. Kajian yang telah dijalankan ini berbentuk kajian kuantitatif di mana borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Jesteru itu, kajian selanjutnya dicadangkan menggunakan temu bual semi-struktur diadakan. Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih tepat, kajian selanjutnya juga boleh menggunakan kajian berbentuk kualitatif untuk mengetahui nilai etos pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

#### 5.6 Penutup

Diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada pembaca dan semua pihak yang berkaitan. Diharapkan juga, kajian ini dapat mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran untuk generasi akan datang dalam memperkasakan dan memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia.



## RUJUKAN

Andeweg, B.A., De Jong, J.C. dan Hoeken, H. (1998). "May I have your attention?: Exordial techniques in informative oral presentation." *Technical Communication Quarterly*.

Apple, M. (1999). "Why Assess Teacher?." *Rethinking Schools*, vol. 13, no. 4, Summer 1999.

Banfield, S. R., Richmond, V. P., & McCroskey, J. C. (2006). The effect of teacher misbehaviors on teacher credibility and affect for teacher, *Communication Education*, 55, 63-72.

Baringer, D. K., & McCroskey, J. C. (2000). Immediacy in the classroom: Student immediacy. *Communication Education*, 49, 178-186.

Berita Harian (2008). "Guru Tersilap Pukul Dua Bekas Murid Minta Maaf." *Berita Harian*, 10 Januari 2008.

- Berita Harian (2008). "Guru Cubit Dada Anak Hingga Lebam." Berita Harian, 16 Februari 2008.
- Berita Harian (2008). "Denda Hingga Menjatuhkan Maruah Ganggu Sahsiah." Berita Harian, 29 Februari 2008.
- Bovey, S.E.D. (1981). "Teaching as rhetoric : "The teacher's ethos in the classroom." Texas A&M University: Tesis PhD.
- Baret, A. C. (1992). "Ethos, Pathos and Logos in Aristotle's Rhetoric: A Re-examination." Netherlands. Kluwer Academic Publisher.
- Barret, D. J., (2006). "Strong Communication Skills a Must For Today's Leader". Handbook of Bussiness Strategy, Emerald Group. pp. 385-390.
- Cialdini, R. (2001). " Harnessing The Science of Persuasion", Havard Bussiness Review, Vpl. 79, No. 9.
- Chesebro, J. L., & McCroskey, J. C. (1998). The relationship of teacher clarity and teacher immediacy with students' experiences of state receiver apprehension. *Communication Quarterly*, 46, 446-456.
- Chesebro, J. L., & McCroskey, J. C. (2001). The relationship of teacher clarity and immediacy with student state receiver apprehension, affect, and cognitive learning. *Communcation Education*, 50, 59-68.
- Cole, J. G., & McCroskey, J. C. (2003). The association of perceived communication apprehension, shyness, and verbal aggression with perceptions of source credibility and affect in organizational and interpersonal contexts. *Communication Quarterly*, 51, 101-110.



Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan : Buku 2". Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn.Bhd

Eisend, M. (2006). "Source Credibility Dimension in Marketing Communication-A Generalized Solution." *Journal of Empirical Generalisations in Marketing*, pp. 1-33

Ee Ah Meng (2002). "Pedagogi iii : Edisi Kedua". Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd

Frymier, A. B., & Thompson, C. A. (1992). "Perceived Teacher Affinity-Seeking In Relation To Perceive Teacher Credibility." *Communication Education*, 41, 388-399.

Haskins W. A. (2000). " Ethos and Pedagogical Communication: Suggestions for Enhancing Credibility in the Classroom." *Current Issues in Education*, vol. 3, no 4.

Hansen, F. dan Kock, C. (2002). "Evaluation of public spokesperson." *Nordicum Information*.

Harian Metro (2008). "Guna Pembaris Besi Pukul Murid." *Harian Metro*, 9 Februari 2008.

Haslett, B.J (1976). "*Dimensions of Teaching Effectiveness: A Student Perspective*". *Journal of Experimental Education* 1976

Jackson, M. (2006). "Serving time: The relationship of good and bad teaching." *Quality Assurance in Education Journal*, vol.14,no.4,pp 385-397.

- Love, G. (2001). "Creating a More Effective Learning Environment: The Effects of Nonverbal Immediacy in Multi-Cultural Classrooms". Harrisonburg.
- Luchok, J. A., & McCroskey, J. C. (1978). The effect of quality of evidence on attitude change and source credibility. *The Southern Speech Communication Journal*, 43, 371-383.
- McCroskey, J. C. (2006). *An Introduction to Rhetorical Communication A Western Rhetorical Perspective*. Ninth Edition, Pearson U.S.A.
- McCroskey, J. C., & Dunham, R. E. (1966). Ethos: A confounding element in communication research. *Speech Monographs*, 33(4), 456-463.
- McCroskey, J. C. (1967). The effects of evidence in persuasive communication. *Western Speech*, 31, 189-199.
- McCroskey, J. C. (1969). A summary of experimental research on the effects of evidence in persuasive communication. *The Quarterly Journal of Speech*, 55, 169-176.
- McCroskey, J. C., & Combs, W. H. (1969). The effects of the use of analogy on attitude change and source credibility. *The Journal of Communication*, 19, 333-339.
- McCroskey, J. C. (1971). Ethos, credibility and communication in the real world. *North Carolina Journal of Speech*, 4, 24-31.
- McCroskey, J. C., & Young, T. J. (1981). Ethos and credibility: The construct and its' measurement after three decades. *The Central States Speech Journal*, 32, 24-34.

McCroskey, J. C., Sallinen, A., Fayer, J. M., Richmond, V. P., & Barraclough, R. A. (1996). Nonverbal immediacy and cognitive learning: A cross-cultural investigation. *Communication Education*, 45, 200-211.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Sdn.Bhd

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan". Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Sdn.Bhd

Mok Soon Sang (2003). "Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2". Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd

Mok Soon Sang (2001). "Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1". Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd

Muijs, D. (2004). "Doing Quantitative Research in Education with SPSS". London: Sage Publications.

Norizan Mohammed Dan Dr Asma Ahmad (2000). "Persepsi Guru Yang Berkesan : Satu Tinjauan Sekolah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah". Selangor: Prosiding Konferentasi Kebangsaan

Redmond, M. V. (2000). "Communication: Theories and Application." Boston.

Rekha B Koul (2003). "*Teacher-Student Interaction and Science Classroom Learning Environments in India*". Curtin University of Technology.



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Rieh, S. Y. dan Danielson, D. R. (2007). "Credibility : A multidisciplinary framework." *Annual Review of Information Science and Technology*, Vol. 41, pp. 307-364.
- Syarifah Alwiyah Alsagoff (1985). "Sosiologi Pendidikan". Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd
- Sidelinger, R.J., & McCroskey, J.C. (1997). Communication correlates of teacher clarity in the college classroom. *Communication Research Reports*, 14, 1-10, 169.
- Teven, J. J., & McCroskey, J. C. (1997). The relationship of perceived teacher caring with student learning and teacher evaluation. *Communication Education*, 46, 1-9.
- Thweatt, K.S., & McCroskey, J.C. (1996). Teacher Nonimmediacy and Misbehavior: Unintentional Negative Communication. *Communication Research Reports*, 13 (2), 198-204.
- Thweatt, K. S., & McCroskey, J. C. (1998). The impact of teacher immediacy and misbehaviors on teacher credibility. *Communication Education*, 47, 348-358.
- Utusan Malaysia (2008). "Guru Mesti Ada Nilai Etos." Utusan Malaysia, 12 Ogos 2007.
- Yong, K. W. (2002). "Corporate image as collective ethos : a poststructuralist approach." *Corporate Communications : An International Journal*, vol.7, No. 4, pp 269-276.
- Wheless, L. R., & McCroskey, J. C. (1973). The effects of selected syntactical choices on source credibility, attitude, behavior, and perception of message. *The Southern Speech Communication Journal*, 38, 213-222.
- Wiersma, W. (2000). "Research Methods in Education: An Introduction". Boston: Allyn and Bacon